



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6155]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6183]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas) —

Jadual

Kepala B. 39 hingga B. 45 [Ruangan 6184]

Kepala B. 46 hingga B. 48 [Ruangan 6223]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas) —

Kepala P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45 [Ruangan 6184]

Kepala P. 46 hingga P. 48 [Ruangan 6223]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor)
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJADBIN O, T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim Bandar Bharu).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjung Malim).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- ”

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG
(Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 13hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PUSAT PEMULIHAN DADAH

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membina dan menguruskan Pusat-pusat Pemulihan Dadah dan oleh kerana Kerajaan telah membelanjakan wang sebanyak \$3,000,000 ke atas Pusat Pemulihan Dadah Selangor, samada Pusat tersebut bertujuan memulihkan penagih-penagih dadah di seluruh negara.

Menteri Kebajikan Am (Datuk Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menubuhkan tiga buah Pusat Pemulihan Dadah di bawah rancangan kilatnya dengan menggunakan sebahagian daripada tiga buah yayasan yang sedia ada iaitu Rumah-rumah untuk Orang-orang Sakit Melarat Bukit Mertajam, Kuala Kubu Baru dan Tampoi. Oleh yang demikian, perbelanjaan Pusat-pusat Pemulihan Dadah itu tidak dapat diasingkan daripada jumlah perbelanjaan yayasan-yayasan tersebut untuk tahun 1975, 1976 dan 1977. Namun demikian, sebanyak \$1,446,000 telah dianggarkan sebagai Perbelanjaan

Mengurus untuk Pusat-pusat Pemulihan Dadah pada tahun 1978 dan sebanyak \$1,350,000 dianggarkan sebagai perbelanjaan membaiki dan membina dua buah Pusat Pemulihan Dadah di Kuala Kubu Baru dan Besut.

Pusat Pemulihan Dadah, Selangor yang dimaksudkan dalam soalan ini mungkin Pusat yang dicadang dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini anggaran sebanyak \$3,000,000 itu belum lagi dibelanjakan.

PENGAYUH BECA RODA TIGA

2. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar pengayuh beca roda tiga yang masih terdapat di dalam negara ini sedang menghadapi kesulitan kerana persaingan dengan taxi yang bebas mengambil penumpang di dalam bandar-bandar; jika sedar, apakah rancangan beliau bagi mengatasi masalah ini supaya pengayuh-pengayuh beca tersebut dapat mencari nafkah seperti sediakala.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa pengayuh-pengayuh beca roda tiga seperti di Pulau Pinang, Kuala Trengganu, Kota Bharu, Taiping dan lain-lain bandar menghadapi kesulitan kerana persaingan dengan teksi-teksi yang mengambil penumpang-penumpang dalam bandar-bandar. Perkara ini pada pendapat Kementerian adalah sukar diatasi. Sebarang

langkah untuk menyekat teksi bukan sahaja mengdiskriminasikan tuan punya-tuan punya teksi-teksi bahkan juga menahan penumpang-penumpang daripada membuat pilihan. Di samping itu pula dengan adanya besar bilangan beca roda tiga maka timbul pula kesesakan jalanraya.

Dari segi peri kemanusiaan mencari nafkah dengan mengayuh beca roda tiga bolehlah dianggap sebagai satu mata pencarian yang teruk. Di bandar-bandar yang besar dasar mengeluarkan lesen beca roda tiga ialah supaya tidak menambah lagi bilangan yang ada sekarang serta tidak membaharui lesen mereka yang meninggal dunia atau mereka yang terlampau tuan atau tidak berupaya lagi hendak mengayuh beca roda tiga. Adalah jelas iaitu sangat sukar untuk merancangkan sebarang langkah hendak mengekalkan mata pencarian mengayuh beca dan sebaliknya masalah ini perlu diselesaikan oleh mereka yang berkenaan supaya berusaha mencari nafkah lain seperti memasuki rancangan tanah atau memasuki lapangan perniagaan yang lain yang mana Kerajaan ada memberi pertolongan-pertolongan dan kemudahan.

Tuan Mohamed Sopicie bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan pengayuh teksi roda tiga ini dapat dibantu untuk mengalih kepada teksi roda tiga yang menggunakan enjin seperti yang terdapat di beberapa negeri seperti di Bangkok, Karachi dan lain-lain. Pendeknya, dari segi tenaga manusia mengayuh teksi ini barangkali dianggap sudah sampai masanya bila sudah tua dan bila dia mati lesennya itu tidak disambung. Itu memang barangkali kena pada tempatnya. Tetapi adakah kemungkinan teksi-teksi ini diganti dengan teksi roda tiga yang berenjin yang boleh orang yang bekerja mengayuh teksi ini terus dapat bekerja dengan menggunakan jentera baru yang dilesen di bandar-bandar kita.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini patut dirujuk kepada Kementerian yang lain tetapi kita boleh mengambil perhatian.

GERAI PENJAJA KECIL TIDAK MENCUKUPI

3. Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar pada masa ini masih lagi tidak mencukupi gerai-gerai untuk ditempatkan peniaga-peniaga kecil/penjaja di setengah-setengah tempat di negeri ini terutama sekali di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa ada di beberapa tempat dalam negara kita kekurangan gerai-gerai bagi peniaga-peniaga kecil dan penjaja untuk menjalankan perniagaan mereka. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Pusat ada menguntukkan wang sebanyak \$30 juta di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri dan saya difahamkan peruntukan-peruntukan bagi tiap-tiap negeri telahpun diperbuat bagi tahun ini bagi maksud membina gerai-gerai dan kereta-kereta sorong serta membantu peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja dalam perusahaan mereka.

SEKOLAH MENENGAH LABU BESAR, KULIM, KEDAH

4. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa kedudukan Sekolah Kebangsaan Labu Besar, Kulim, Kedah adalah membahayakan keselamatan murid-murid, kakitangan dan keluarga guru sekolah tersebut dengan adanya sebatang jalanraya di tengah-tengah kawasan rumah dan sekolah ini yang tidak berpagar sejak awal dulu dan murid-murid adalah sentiasa terdedah kepada bahaya kemalangan dan bunyi bising kenderaan yang kian bertambah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa bukan sahaja Sekolah Kebangsaan Labu Besar, Kulim, Kedah sahaja yang

berdekatan dengan jalanraya. Ada banyak lagi sekolah-sekolah di negara kita ini yang sangat berhampiran dengan jalanraya. Tentang soalan bunyi bising kenderaan adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Mengenai pagar di sekolah tersebut akan saya pertimbangkan kerana saya juga kuatir tentang keselamatan murid-murid.

PROGRAM PERUMAHAN

5. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan ke mana jauhnya telah dilaksanakan tiga program itu menjamin penduduk-penduduk yang termiskin dalam kawasan-kawasan luar bandar dan bandar supaya mendapat perumahan yang sesuai sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 1119 Rancangan Malaysia Ketiga;

- (a) atas apa asas rumah-rumah di bawah program tersebut diperuntukkan; dan
- (b) bilangan orang-orang setakat ini yang telah menikmati hasil program tersebut, dan komposisi kaum mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi objektif utama program perumahan untuk menentukan pembekalan "decent shelter" yang mencukupi di samping mendorong dan menggalakkan rakyat mengamal penghidupan yang sihat dalam keadaan dan suasana perumahan yang mencukupi dan masyarakat yang harmoni. Kerajaan juga memberi sumbangan-sumbangan tertentu kepada mereka yang layak bagi mencapai matlamat negara untuk menyusun semula masyarakat Malaysia dan menghapus kemiskinan sebagai terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Berdasarkan para 1119 Rancangan Malaysia Ketiga, program berikut telah dan sedang dijalankan:

Mengenai para 1119 (i) — Satu rancangan perumahan berkelompok atau Cluster Link

House mengandungi 676 yunit telah siap dibina di Cheras atas usahasama pihak Housing Developers Association dengan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Kerajaan adalah juga terus memberi galakan pembinaan rumah-rumah untuk golongan pendapatan rendah secara usahasama antara sektor swasta dengan awam ini.

Mengenai para 1119 (ii) pula — Rancangan Perumahan menurut konsep Aided Self-help termasuk Sites and Services sedang dilaksanakan di peringkat permulaan. Rancangan ini adalah rancangan perumahan kos rendah yang melibatkan penyertaan usaha rakyat sendiri. Satu projek perintis telah dilaksanakan di Salak South, Kuala Lumpur oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur dengan usahasama UDA. Pendekatan yang serupa akan juga dimulakan di Kuantan dan Kota Kinabalu tidak berapa lama lagi. Selain dari itu, satu kajian kemungkinan mengenai pendekatan perumahan khusus untuk golongan pendapatan rendah akan dilaksanakan pada awal tahun 1978 dengan bantuan daripada Bank Dunia.

Mengenai para 1119 (iii) — Kerajaan telah dan sedang menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki kehidupan setinggian dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas dalam bentuk paip air secara umum, lorong-lorong, Dewan-dewan orang ramai serta menerusi konsep perumahan peralihan atau transitional housing.

Di samping itu satu kajian secara menyeluruh mengenai masaalah setinggian akan dibuat oleh satu badan perunding antarabangsa seperti yang disebutkan di atas tadi.

Menjawab soalan (b) Yang Berhormat itu saya ingin menegaskan iaitu Kerajaan cuba sedaya upaya mengadakan rancangan-rancangan dan kemudahan-kemudahan perumahan tersebut di atas kepada semua rakyat dari golongan berpendapatan rendah yang berkelayakan.

Rancangan perumahan Cluster Link House yang terdiri daripada 676 yunit telah didiami oleh lebih kurang 3,370 penduduk (dengan andaian satu famili terdiri daripada 5 individu). Mengenai komposisinya tidaklah dapat diberi dengan tepat oleh kerana rumah ini diberi duduk dengan cara sewa yang mana penghuni-penghuninya selalu bertukar ganti.

Oleh kerana program yang disebutkan di para 1119 (i) & (ii) itu sedang dalam kajian maka setakat ini tidaklah dapat saya berikan maklumat lanjut mengenai berapa ramai rakyat yang dapat menikmati faedah daripada program-program tersebut.

PELABURAN BUMIPUTRA DENGAN PELABURAN ASING

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana tercapainya:

- (a) perimbangan pelaburan bumiputra dengan pelaburan asing;
- (b) perimbangan pelaburan bumiputra dengan pelaburan bukan bumiputra;
- (c) perimbangan pelaburan bukan bumiputra dengan pelaburan asing;

dan adakah beliau berpuashati dengan keadaan yang ada sekarang.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa 1971 hingga Ogos 1977, jumlah modal terkumpul Bumiputra yang dicadangkan merupakan 31.6% dari jumlah modal terkumpul yang dicadangkan dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan dalam jangka masa tersebut. Dalam masa yang sama sumbangan modal asing ialah 31.7% manakala modal dari kaum bukan Bumiputra merupakan 36.7% dari jumlah modal terkumpul yang dicadangkan dalam projek-projek yang diluluskan.

Pelaburan modal baru yang dicadangkan dalam sektor perkilangan dalam tahun 1976, adalah kurang dari jumlah yang dicadangkan dalam projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1975. Dalam masa 8 bulan pertama tahun 1977 jumlah pelaburan modal baru yang dicadangkan dalam projek-projek baru, juga berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah modal pelaburan yang diluluskan dalam masa yang sama di tahun 1976. Kekurangan ini adalah disebabkan kelambatan negara-negara pengeksport modal pelaburan dalam memulihkan ekonomi negara-negara mereka dari kemerosotan ekonomi sedunia yang dialami baru-baru ini.

Adalah diakui bahawa terdapat kekurangan dalam jumlah pelaburan modal baru yang diluluskan berbanding dengan matlamat yang dirancang. Ini merupakan satu perkara yang dipandang penting dan saya telah mengarahkan Kementerian saya dan LKPP untuk mempergiatkan usaha-usaha untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan. Walau bagaimanapun, kita semestinya sedar bahawa pelaburan di sektor perkilangan di Malaysia adalah sebahagian besarnya bergantung kepada keadaan ekonomi sedunia terutama bagi projek-projek yang bergantung kepada pasaran eksport.

JABATAN TALIKOM — PUNGUTAN TAHUN 1976

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan, berapakah jumlah pungutan Jabatan Talikom pada 1976 bagi tiap-tiap negeri dan adakah pernah Jabatan ini menerima bounce cheque (cek yang dikembalikan oleh bank), kiranya ada, berapa jumlahnya dan apakah tindakan yang diambil terhadap pelanggan-pelanggan seperti ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan yang diterima oleh

Jabatan Talikom daripada pelanggan-pelanggan telefon pada tahun 1976 bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:—

Negeri	Jumlah Kutipan
Selangor	\$ 74,717,247.00
Johor	11,494,757.00
Pulau Pinang	21,751,037.00
N. Sembilan/Melaka	7,540,974.00
Perak	14,174,810.00
Kedah/Perlis	4,435,480.00
Kelantan	2,357,723.00
Trengganu	1,632,738.00
Pahang	3,573,241.00
	<u>\$141,678,007.00</u>

Jabatan Talikom telah menerima cek-cek yang tidak diakui oleh bank (bounced cheques) yang berjumlah sebanyak \$445,504.31 dalam tahun 1976. Bila sesuatu cek itu didapati tidak diakui oleh bank, Jabatan Talikom akan menghantar surat kepada pelanggan yang berkenaan dengan serta-merta memintanya menggantikan cek tersebut dengan wang tunai dalam tempoh satu minggu. Jika sekiranya wang tunai itu tidak diterima dalam tempoh seminggu, satu teleks akan dihantar ke kawasan Talikom berkenaan untuk memotong buat sementara (temporary disconnection) telefon pelanggan itu. Jikalau jumlah yang belum dijelaskan itu dibayar dalam tempoh dua minggu, maka telefonnya akan disambung semula dan bayaran sambungan semula sebanyak \$10.00 dikenakan. Jika hutang itu tidak dijelaskan dalam tempoh dua minggu, maka telefonnya akan dipotong terus (permanently recovered), dan suatu peringatan akhir dihantar kepada pelanggan dengan memberinya tempoh dua minggu lagi untuk menjelaskan hutang tersebut. Jika sekiranya hutang itu masih belum diselesaikan selepas tempoh tersebut, maka hutangnya akan ditolak daripada cagaran, dan kalau masih ada lagi baki hutang, Jabatan Talikom akan mengambil tindakan mahkamah untuk mendapatkannya.

PENCEMARAN UDARA

8. **Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan masalah pencemaran perlu diatasi secara bersungguh-sungguh, maka apakah langkah-langkah lebih berkesan yang telah disediakan bersabit dengan undang-undang mencegah pencemaran dan untuk menambah banyak lagi Pegawai-pegawai Petugas.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, memang benar masalah pencemaran perlu diatasi secara bersungguh-sungguh. Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya dengan sukacitanya memaklumkan adalah kemungkinan baik masalah pencemaran diatasi secara sistematik dalam tempoh 3 tahun yang akan datang berikutan dengan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil:

- (a) Dari segi perundangan, 4 set peraturan kawalan pencemaran yang telah dan sedang disediakan untuk diwartakan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 akan dikuatkuasakan dengan rapi. Peraturan-peraturan ini ialah peraturan untuk mengawal effluen kelapa sawit, peraturan untuk mengawal effluen getah, peraturan udara bersih dan nyaman dan peraturan mengawal pembangunan dan pelepasan-pelepasan perindustrian.
- (b) Dari segi bilangan Pegawai-pegawai Petugas untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan dan lain-lain syarat yang dikenakan di bawah lesen-lesen yang dikeluarkan, Kementerian saya telah diperuntukkan sebanyak 72 jawatan tambahan bagi tahun 1978 dibandingkan dengan 15 jawatan dalam tahun 1977. Dengan pengambilan Pegawai-pegawai Petugas tambahan ini, Kementerian saya memang ada kemampuan untuk bertindak dengan lebih berkesan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Cara sistematik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi, adakah ini akan melibatkan juga kilang-kilang perusahaan yang telahpun ada sekarang ini tetapi belum dikenakan undang-undang yang akan diadakan oleh pihak Kementerian dan apakah cara Kementerian ini supaya undang-undang yang akan diadakan itu kelak dapat dikuatkuasakan ke atas kilang-kilang yang ada sekarang ini dan apakah denda pada kilang-kilang yang tidak mengikut undang-undang yang mungkin diadakan itu; cara pelaksanaannya?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soal tambahan itu saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan ini meliputi semua perindustrian atau kilang-kilang yang ada pada masa sekarang dan yang akan ditubuhkan. Bagi denda di bawah Akta Alam Sekeliling kalau tidak salah saya peraturan itu ada dibekalkan iaitu dendanya dua tahun penjara atau \$5,000 denda.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan ada mengatakan cara-cara untuk mengatasi masalah pencemaran, saya suka hendak bertanya sekiranya ada dalam cara-cara itu usaha untuk menanam pokok-pokok di dalam negara kita ini khususnya macam di kawasan bandaraya Kuala Lumpur ini untuk satu sekim secara giat penanaman pokok-pokok kayu untuk mengatasi masalah pencemaran udara?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat bergantung kepada Kerajaan Tempatan masing-masing. Kementerian saya sentiasa akan mengesyorkan atau menasihatkan kepada Kerajaan Tempatan berkenaan untuk mengambil tindakan yang disyorkan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Maksud saya tadi ialah saya ingin tahu samada undang-undang ini bila dikenakan kepada perusahaan dan kilang-kilang yang ada sekarang ini mempunyai kuasa-kuasa di mana undang-undang ini membolehkan Menteri atau mana juga pihak berkenaan menarik balik lesen kilang-kilang yang ada jikalau mereka ini engkar oleh kerana perkara ini adalah perkara penting kerana banyak komplek mengatakan mereka tidak dapat rezki daripada sungai dan sebagainya. Itu yang saya hendak ketahui.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan untuk bertindak.

LESEN BALAK

9. Penghulu Abit anak Angkin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada kena pada tempatnya atau tidak bagi orang-orang yang tinggal di sebelah kawasan hutan tebal dan tinggi diberitahu tentang sebarang pelesenan balak kawasan itu yang diberi kepada Syarikat-syarikat Balak, supaya sebahagian daripada orang ini dapat membeli syer operasi-operasi tersebut. Jika perkara serupa ini tidak teratur bolehkah Kementerian mengambil langkah pembetulan, supaya perkara ini dipatuhi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama: **(Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa perkara pengeluaran lesen membalak adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang dikenakan. Pada pengetahuan saya Kerajaan-kerajaan Negeri tidak merasa mustahak untuk memberitahu penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan hutan sepertimana kawasan hutan yang telah dilesenkan dan tidak terlibat dengan penduduk-penduduk tersebut. Perkara ini tidak pernah diamalkan kerana sumberjaya-sumberjaya

hutan di kawasan tanah Kerajaan Negeri, kawasan-kawasan hutan yang dikawal atau kawasan hutan simpanan adalah merupakan hak Kerajaan Negeri. Mengenai soal penglibatan ekuiti pula perkara ini memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi luar bandar mengikut Dasar Ekonomi Baru. Dengan tujuan ini dan di segi memberi peluang kepada penduduk-penduduk tempatan terutamanya dari luar bandar ada negeri-negeri seperti Pahang yang mengasingkan syer-syer untuk Bumiputra seperti yang dibuat oleh Syarikat Jengka Sdn. Bhd. yang telah memperuntukkan kawasan membalak dengan penubuhan Kompleks Hutan. Amalan ini adalah juga dibuat di Negeri Sabah yang mana penduduk-penduduk tempatan ada diberi faedah pada tiap-tiap tahun daripada syer percuma yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri berkenaan.

Berkaitan dengan hal ini pihak Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan STIDC atau Sarawak Timber Industry Development Corporation yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan perusahaan kayu-kayan secara besar-besaran dan Perbadanan ini juga bergiat menggalakkan penyertaan Bumiputra dalam perusahaan pembalakan di Negeri Sarawak. Pada amnya adalah terpulang kepada kebijaksanaan tiap-tiap Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mengadakan syarat tertentu bagi membolehkan penduduk-penduduk tempatan mendapat syer samada dengan cara membeli saham atau diberi syer percuma untuk mereka bersama menikmati hasil kegiatan membalak ini.

MAS — PRESTASI YANG BURUK

10. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Perhubungan menyatakan sebab-sebab untuk prestasi yang buruk oleh pihak MAS pada tahun lalu, mengapa ianya hanya memperolehi keuntungan sebanyak \$1.1 juta sahaja dari jumlah hasil sebanyak \$359.2 juta dan samada perbelanjaan-perbelanjaan "overhead" sedang dipotong dan

kecekapan ditingkatkan dan samada pihak MAS akan menerima cara 'skytrain' untuk menentukan bilangan penumpang maksima di dalam penerbangan-penerbangannya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, MAS hanya mendapat keuntungan sebanyak \$1.1 juta daripada hasil yang berjumlah sebanyak \$359.2 juta pada tahun kewangan 1976/1977 disebabkan kos-kos yang mahal terutama sekali dalam pengendalian pesawat di mana dua buah pesawat B707 dihantar ke luar negeri untuk menjalani pemeriksaan "airframe". Di samping itu juga faktor-faktor kenaikan kos dan bertambahnya bilangan enjin-enjin yang dihantar untuk di 'overhaul' telah juga dibuat dalam belanjawan tahun yang sama. Selain daripada itu perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti harga minyak, bayaran pendaratan dan pengendalian di stesyen-stesyen seberang laut juga telah dinaikkan.

MAS telah menjalani suatu sistem yang tersendiri untuk mengawal kos dan beberapa bahagian di dalam syarikat itu telah berjaya menguasai kos tanpa mengancam kecekapan.

Untuk menyelenggarakan sistem "skytrain" bagi rangkaian perkhidmatan antarabangsa, MAS memerlukan pengesahan daripada beberapa syarikat-syarikat kapal terbang yang lain dan juga daripada Kerajaan masing-masing sebelum sistem itu dapat dilancarkan. Untuk menentukan bilangan penumpang maksima, MAS telahpun mengetahui jangka-jangka masa di dalam setahun bila muatan penumpang tidak memuaskan. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini MAS ada menawarkan:—

- (a) Tambang istimewa di rangkaian perkhidmatan dalam negeri.
- (b) Perkhidmatan "package" Kuala Lumpur/Jakarta umpamanya.
- (c) Cuti singgah dan cuti singgah berlarutan.

- (d) Selenggaraan perkhidmatan mesyuarat.
- (e) Tambang murah berkelompok.

Buat masa ini MAS tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk melancarkan sistem "skytrain" itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pemandu-pemandu pesawat kapal terbang MAS telah melancarkan suatu kegiatan "go slow" dan hasil daripada kegiatan "go slow" tidak rasmi, pemandu pesawat itu telah melewati tempoh jadual waktu kapal terbang-kapal terbang MAS waktu ia terbang dan juga waktu kapal terbang itu mendarat. Oleh kerana kelewatan-kelewatan masa yang disengajakan oleh pemandu-pemandu kapal terbang ini, maka banyak penumpang-penumpang tidak mahu lagi ataupun kurang mahu lagi menggunakan perkhidmatan MAS. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di atas perkara "go slow" tidak rasmi ini yang diadakan oleh pemandu-pemandu pesawat ini, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini lain sedikit daripada pertanyaan asal tetapi boleh dikaitkan sebab "go slow" itu merugikan. Adakah Yang Berhormat bertanya tentang itu?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ya, itu dimaksudkan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang Mulia ini dalam persidangan Dewan ini juga. Saya rasa kalau dikehendaki saya ulangi, bahawa Kementerian ini tidak menyedari tentang adanya tindakan "go slow" seperti dikatakan itu dan tidak pernah mendapat tahu bahawa ada perbuatan-perbuatan "go

slow" itu. Kementerian mengakui bahawa ada masa-masanya kapal terbang MAS telah lewat mengikut jadual penerbangan yang patut, ini adalah disebabkan sesuatu kerosakan yang perlu dibaiki sebelum penerbangan dibuat.

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA PENGANTAR

11. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan menimbang untuk membawa kembali Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian tinggi memandangkan bahawa Bahasa Inggeris digunakan dengan luasnya di kalangan antarabangsa dalam bidang sains dan teknologi, perdagangan, diplomasi dan juga sebagai satu syarat untuk memasuki universiti-universiti luar negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pelajaran Kebangsaan jelas menetapkan bahawa Bahasa Malaysia adalah dijadikan bahasa pengantar di semua peringkat pengajian di negara ini. Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris adalah dijadikan sebagai bahasa kedua yang penting untuk dipelajari di institusi-institusi pelajaran tinggi.

KECAIRAN DALAM BANK-BANK PERDAGANGAN

12. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kecairan terlalu tinggi (reasons of the excessively high liquidity) dalam bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan. Adakah Menteri itu akan menimbang menurunkan nisbah pinjaman deposit supaya membolehkan lebih banyak pinjaman, khasnya bagi pelaburan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, nisbah kecairan di bank perdagangan dan syarikat

meminjam pada akhir bulan September, 1977 ialah 38% berbanding dengan 40% pada akhir tahun 1976. Nisbah kecairan yang tinggi ini mencerminkan pendapatan eksport dan perbelanjaan sektor awam yang meningkat naik yang menolong mempercepatkan pertumbuhan pendapatan dan simpanan dalam sistem kewangan.

Jumlah simpanan (deposits) di bank perdagangan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini telah bertambah sebanyak 13%, dan simpanan di syarikat meminjam bertambah sebanyak 15%. Dalam tempoh yang sama jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan syarikat meminjam bertambah masing-masing sebanyak 14% dan 21%. Akibatnya nisbah pinjaman: simpanan di bank perdagangan telah meningkat daripada 76.5% pada akhir tahun 1976 kepada 77% pada akhir bulan September tahun ini, sementara bagi syarikat meminjam nisbah ini telah meningkat daripada 65% kepada 68% dalam tempoh yang sama.

Suka saya menegaskan di sini bahawa adalah menjadi kebaikan kepada bank perdagangan atau syarikat meminjam sendiri sekiranya badan-badan ini dapat memberi pinjaman seberapa banyak yang boleh daripada simpanan-simpanan yang diterima.

Walau bagaimanapun saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa kedudukan kewangan sentiasa diawasi dengan rapi, dan kadar pertumbuhan yang cepat dalam aktiviti pelaburan swasta akan tetap kekal sebagai objektif utama dalam dasar kewangan.

DERMAGA PELABUHAN KELANG

13. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin minta Menteri Perhubungan menyatakan iaitu oleh kerana satu Dermaga di Pelabuhan Kelang telah siap hampir-hampir tujuh bulan dahulu tetapi kerana apa ianya tidak digunakan sepenuhnya.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, Projek Pembesaran Kedua Pelabuhan Utara berupa pembinaan 2,100 kaki Dermaga Kargo Am, 1,400 kaki Dermaga Bulk, infrastruktur, gudang-gudang dan lain-lain kemudahan telah dirancangan dalam tahun 1973 bagi menampung perniagaan tambahan. Keseluruhan projek ini dijadualkan siap pada awal tahun 1977.

Kontrek bagi kerja-kerja pembinaan kedua-dua Dermaga termasuk jalan-jalan besar dan parit-parit telah diberi dalam bulan Mei, 1974 kepada Zublin Muhibbah, sebuah Syarikat Antarabangsa yang berkongsi dengan syarikat tempatan. Bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan mengambil bahagian dalam rancangan ini, pembinaan lain-lain kemudahan tidak dimasukkan dalam kontrek tersebut. Kerja-kerja pembinaan dirancangan bermula dalam tahun 1975 dan 1976 supaya kemudahan-kemudahan itu siap selaras dengan pembinaan dermaga-dermaga, tetapi disebabkan kekurangan perniagaan dan masalah kewangan yang dialami oleh Lembaga Pelabuhan Kelang, projek-projek bagi tahun 1975 dan 1976 telah ditanggungkan kepada tahun 1976 dan 1977. Selanjutnya, kemungkinan mengarahkan Zublin Muhibbah untuk melambatkan pembinaan dermaga tidak dapat dilakukan kerana ini akan mengakibatkan pembayaran kerugian.

Oleh kerana sebab-sebab di atas maka terdapat perbezaan di antara kemajuan pembinaan dermaga dan lain-lain kemudahan. Projek pembinaan dermaga telah disiapkan oleh kontrektor pada hujung bulan Mac 1977 lebih awal daripada pembinaan kemudahan-kemudahan yang lain. Walau bagaimanapun semenjak bulan Mei, 1977, Dermaga Bulk sepanjang 1,400 kaki telah digunakan dan Dermaga Kargo Am sepanjang 2,100 kaki dijadualkan dapat digunakan dalam bulan Januari, 1978.

PERARAKAN HARI KEBANGSAAN DI BIDOR

14. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Pelajaran menyatakan

samada beliau sedar bahawa Persatuan Cina Malaysia (MCA) telah mengadakan satu perarakan di Bidor pada 31.8.1977 untuk menyambut Hari Kebangsaan dan dalam perarakan murid-murid sekolah dipanggil mengambil bendera-bendera dengan simbol MCA dan seorang Ahli Parlimen juga hadir. Jika benar, samada ini adalah sesuai untuk parti politik menggunakan murid-murid sekolah bagi propaganda politik.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran diberitahu Hari Kebangsaan tahun ini di Negeri Perak telah dirayakan oleh Jabatan Kerajaan, masyarakat tempatan dan sekolah-sekolah dalam beberapa buah pekan. Oleh yang demikian, murid-murid sekolah hendaklah mengambil bahagian dalam perayaan itu. Murid-murid sekolah hendaklah mengibarkan bendera Malaysia dan Negeri Perak sahaja. Sekiranya bendera lain juga dikibarkan, perkara ini tidak dibawa ke pengetahuan Kementerian Pelajaran.

PRIVATE ENGINEERING GRADUATES

15. Puan Chow Poh Kheng minta Perdana Menteri menyatakan, samada Engineering Act, 1977 dapat dipinda untuk membolehkan "private engineering graduates" diberi option untuk diserapkan ke dalam jawatan tetap dan berpencen setelah mereka menjalani dua tahun kontrak dengan Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak jelas kerana tidak ada akta yang disebut "Engineering Act, 1977". Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Akta Pendaftaran Jurutera, 1967 (Pindaan 1974) dan Kaedah-kaedah Pendaftaran Jurutera, 1972.

Akta Pendaftaran Jurutera 1967 tidak perlu dipinda untuk "private engineering

graduates" ditimbangkan ke dalam jawatan tetap dan berpencen setelah mereka menjalani 2 tahun perkhidmatan bagi mendapatkan pengalaman praktik di Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua Kaedah-kaedah Pendaftaran Jurutera, 1972. Sebaliknya, penyempurnaan tempoh pengalaman praktik tersebut ke dalam perjawatan tetap dan berpencen dijalankan dengan cara pengambilan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan bergantung kepada keperluan tenaga pekerja tetap, dari semasa ke semasa.

Tiap-tiap kali Kerajaan ingin menjalankan pengambilan Jurutera-jurutera ke dalam jawatan tetap dan berpencen iklan adalah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam akhbar-akhbar tempatan sekurang-kurangnya sekali bagi satu pengambilan. Sesiapa yang mempunyai kelulusan yang dinyatakan oleh iklan itu hendaklah mengemukakan permohonannya di atas Borang SPA. 1 kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam tempoh yang ditetapkan jika ingin ditimbangkan oleh pihak berkenaan.

Untuk jawatan-jawatan lain juga, umpamanya untuk doktor perubatan, pengesahan ke jawatan tetap dan berpencen tidak dibuat selepas tamat tempoh latihan praktikal yang dimestikan.

Seperti dimaklum di masa-masa yang lalu oleh kerana kekurangan jurutera, Kerajaan telah melancarkan rancangan latihan dengan mengeluarkan biasiswa. Oleh itu keutamaan adalah diberi kepada siswazah-siswazah kejuruteraan yang telah menerima biasiswa Kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan tetap dan berpencen di agensi-agensi Kerajaan supaya usaha rancangan latihan Kerajaan itu tidak menjadi sesia.

Dari penjelasan di atas, nyatalah bahawa soal perlantikan dan penyerapan "private

engineering graduates" tidak ada kena menegen dengan Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Soal penyerapan ini bergantung kepada kekosongan jawatan yang berdasarkan kepada keperluan negara pada ketika ini.

DEWAN NEGARA DIMANSUHKAN

16. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang mengambil langkah untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memansuhkan Dewan Negara kerana terdapat satu penyalahgunaan Dewan Negara sebagai sebuah alat naungan politik sejak beberapa tahun ini.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memansuhkan Dewan Negara. Saya menolak tuduhan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan iaitu Kerajaan telah menyalahgunakan Dewan Negara sebagai sebuah alat naungan politik. Saya berpendapat bahawa Dewan Negara itu amat berguna kepada negara kita kerana mereka-mereka yang dilantik oleh Dewan-dewan Negeri dan Ahli-ahli dan Ahli-ahli yang dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong, adalah orang yang ada kebolehan, pengalaman dan berkelibar. Dewan Negara juga memberi peluang kepada golongan kecil (minority groups) menyuarakan pendapat mereka kerana mereka tidak mungkin memenangi pilihanraya.

Ahli Yang Berhormat boleh memansuhkan Dewan Negara jika partinya mendapat majoriti dan menguasai Negeri-negeri dan juga Parlimen. Kerajaan yang ada sekarang berpuas hati dengan peranan Dewan Negara.

THINK TANK INSTITUTE

17. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri melancarkan satu 'Think Tank Institute' yang mengandungi pe-

mikiran-pemikiran bebas untuk mempertimbangkan masalah-masalah seperti perpaduan kebangsaan, kemiskinan dan pelajaran dan juga mencadangkan solusi-solusi kepada masalah-masalah ini.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah 'Think Tank Institute' yang mempunyai tenaga pemikiran-pemikiran bebas untuk menimbang masalah-masalah negara oleh kerana telah ada Kementerian dan Jabatan yang tertentu dengan jentera yang lengkap bagi mengkaji masalah yang dibangkitkan dan pakar-pakar yang cukup bagi menimbang masalah-masalah negara seperti masalah perpaduan negara, kemiskinan, pelajaran dan sebagainya. Tambahan pula Kerajaan sedia mempunyai peraturan dan cara-cara untuk membolehkan pegawai-pegawai Kerajaan dan pakar-pakar dari universiti-universiti tempatan serta orang-orang perseorangan yang mempunyai kemahiran profesional dalam bidang-bidang tertentu, bertukar-tukar fikiran dan pendapat berhubung dengan sesuatu masalah tertentu yang perlu dikaji. Harus diingat bahawa Kerajaan-kerajaan negara lain mengadakan 'Think Tank' yang bebas tidak lebih berjaya mengatasi masalah mereka. Ini ialah oleh kerana 'Think Tank' yang bebas tidak committed dan terlalu academic. Bagaimanapun Kerajaan sedia menerima cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan dari sesiapa sahaja termasuk parti pembangkang mengenai sesuatu masalah negara dan pandangan-pandangan tersebut bolehlah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu ada kuda yang bernama 'Think Tank' (*Ketawa*).

JURUTERA JURUTERA BUKAN MELAYU

18. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Jurutera-jurutera

bukan Melayu yang tidak mendapat biasiswa sedang bekerja di Perkhidmatan Awam atas kontrak perjanjian dan nyatakan sebab-sebab mengapa tidak menempatkan mereka kepada jawatan-jawatan tetap. Oleh kerana cara pekerjaan seperti ini akan menimbulkan perasaan keciwa dan tidak puas hati, apa tindakan-tindakan sedang diambil supaya membetulkan keadaan ini.

Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, bukan Jurutera-jurutera bukan Melayu sahaja yang tidak mendapat Biasiswa Kerajaan yang diambil bekerja dalam perkhidmatan awam secara kontrak. Perlantikan secara kontrak adalah dibuat ke atas Jurutera-jurutera yang tidak mendapat Biasiswa Kerajaan, samada Melayu ataupun bukan Melayu, yang telah mengambil bidang pengkhususan dalam disiplin kejuruteraan di mana bilangan jawatan kosong yang bertaraf tetap dan berpencen adalah sedikit dan telah ada cukup bilangan pemegang-pemegang biasiswa yang sedang dilatih untuk mengisi jawatan itu. Dalam disiplin yang bilangan jawatan kosongnya banyak seperti kejuruteraan awam dan tiada cukup bilangan pemegang-pemegang biasiswa untuk mengisi jawatan itu, Kerajaan masih menawarkan perlantikan secara tetap kepada bukan pemegang biasiswa yang didapati sesuai. Tetapi bagi bidang kejuruteraan letrik, jentera dan beberapa bidang lain yang bilangan jawatan kosongnya sedikit, peraturan demikian tidaklah boleh dibuat. Walau bagaimanapun mereka yang dilantik secara kontrak, akan juga dipertimbangkan untuk diserapkan ke dalam jawatan tetapi dan berpencen di Jabatan-jabatan atau Ajensi-ajensi Kerajaan jika jawatan-jawatan bertambah dan ini bergantung kepada keperluan negara dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan pengisian kekosongan jawatan-jawatan Jurutera secara tetap dan berpencen adalah diberi kepada pemegang-pemegang Biasiswa Kerajaan, kerana mereka ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 7 tahun selepas mendapat

ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan. Selain daripada itu banyak jawatan Jurutera yang diwujudkan sebagai jawatan tambahsantara sahaja semata-mata bagi melaksanakan projek-projek tertentu. Apabila projek tersebut siap, kontrak mereka perlulah ditamatkan kecuali tenaga mereka itu diperlukan untuk pelaksanaan projek yang lain pula. Dalam keadaan ini kontraknya boleh disambung.

Soal kekeciwaan mereka yang bertaraf sementara tidak dapat dielak. Ramai guru, kerani, buruh kasar dan lain-lain pekerja sementara tentu keciwa apabila perkhidmatan mereka ditamatkan. Jika yang sementara mesti dikekalkan maka tidak akan ada makna lagi pengambilan untuk bekerja sementara.

LORI-LORI MASUK KE KUALA LUMPUR

19. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar bahawa larangan atas lori-lori masuk ke Kuala Lumpur selama 4½ jam satu hari akan menyebabkan:

- (a) kerugian pendapatan kepada orang-orang yang menjalan lori-lori itu dan juga anggota-anggota keluarga mereka seramai beribu-ribu orang; dan
- (b) akan memperlahankan ekonomi am Wilayah Persekutuan dan samada beliau juga sedar bahawa Akta ini bolehlah disifatkan sebagai mengeneipkan pentingnya perkhidmatan industri pengangkutan lori kepada ekonomi kita. Jika ya, apa tindakan-tindakan akan diambil oleh beliau supaya membetulkan keadaan ini.

Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar bahawa larangan atas lori-lori yang masuk ke Kuala Lumpur selama 4½ jam satu hari akan mengakibatkan sedikit-sebanyak kesukaran dan kerugian kepada mereka-mereka

yang berkenaan, tetapi kerugian yang lebih besar kepada ekonomi negara akan berlaku sekiranya tidak ada larangan dan sekatan seperti itu.

- (b) Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan kerugian yang diamali oleh mereka-mereka yang terlibat dengan industri pengangkutan lori ini dengan cara menyediakan beberapa tempat khas di mana lori-lori dan kenderaan-kenderaan berat dibenarkan menunggu sementara menanti waktu larangan dilonggarkan.

Pihak Dewan Bandaraya juga telah diarahkan supaya mengkaji lagi mana-mana jalan yang sesuai untuk dilalui pada masa-masa sekatan itu.

ORANG-ORANG ASING DI SARAWAK

20. Tuan Sibut Miyut anak Tagong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada orang-orang asing yang telah tinggal di Sarawak boleh diterima menjadi rakyat Malaysia oleh kerana kebanyakan mereka mempunyai keluarga, dan anak-anak mereka tidak dapat memasuki sekolah tanpa Surat Lahir mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, orang-orang asing yang tinggal di Malaysia tidak boleh diterima menjadi warganegara semata-mata kerana mereka itu mempunyai saudara-mara yang ramai. Pemohon-pemohon dari orang-orang asing yang tinggal di negara ini termasuklah di Sarawak hanya akan ditimbang dengan syarat mereka telah diberi taraf penduduk tetap Malaysia dan juga memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Bahagian III Perlembagaan Malaysia.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) — TAMBANG KAPALTERBANG

21. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Perhubungan menyata-

kan adakah Kementerian tersebut bercadang mengurangkan tambang kapalterbang antara Malaysia Timur dengan Semenanjung Malaysia, memandangkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah mendapat keuntungan yang besar iaitu 1.1 juta ringgit pada penghujung bulan Mac, 1977. Jika ya, bilakah tambahan tersebut akan diturunkan.

Tuan Mohd Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, tambang penerbangan antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu dan Kuching telah ditetapkan di atas dasar yang sama di antara Kota Kinabalu/Kuching dengan negara-negara jiran. Walaupun tambang di dalam negeri telah dinaikkan dan berkuatkuasa pada bulan Jun 1976 kenaikan kadar tambang di antara Kota Kinabalu dan Kuching dengan setengah negara-negara jiran masih lagi menunggu pengesahan daripada Kerajaan-kerajaan asing. Pada masa ini MAS tidak ada rancangan untuk mengurangkan tambang biasanya di antara Kuala Lumpur dengan Kota Kinabalu dan Kuching oleh kerana kos kendalian yang berterusan meningkat. Walau bagaimanapun penumpang-penumpang dari Kota Kinabalu dan Kuching boleh membuat penerbangan ke Semenanjung Malaysia dengan tambang istimewa seperti berikut:—

1. Tambang penerbangan malam dengan potongan tertentu daripada tambang biasa.
2. Tambang berkelompok bagi penerbangan jadual biasa (tidak kurang daripada 10 orang).

SEKOLAH MENENGAH RENDAH KERAJAAN DI BALINGIAN, SARAWAK

22. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Rendah Kerajaan di daerah kecil Balingian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya, nyatakan perbelanjaannya dan jika tidak kenapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jaafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian tidak ada rancangan hendak mendirikan sekolah menengah rendah yang baru dalam daerah kecil Balingian kerana murid-murid dari sekolah rendah dalam daerah kecil itu masih boleh ditempatkan dalam 2 buah sekolah menengah yang ada di Mukah.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan memerlukan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dalam Kajian Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Seperti kebanyakan sekolah-sekolah menengah di Negeri Sarawak dua buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kerajaan Three Rivers dan Sekolah Menengah Bantuan St. Patrick di Mukah boleh dikatakan sudah penuh. Cadangan Jabatan Pelajaran untuk mendirikan sebuah sekolah menengah baharu bagi Daerah Mukah dalam Rancangan Malaysia Ketiga belum lagi diluluskan. Sekiranya projek ini bersama-sama dengan sekolah-sekolah menengah baru yang lain diluluskan nanti maka Jabatan ini mungkin mempertimbangkan supaya sekolah itu didirikan dalam daerah kecil Balingian.

SEKOLAH R.J.K. (CINA) KAMPUNG-KAMPUNG BARU, PERAK

23. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah peruntukan-peruntukan atau bantuan-bantuan modal untuk Sekolah-sekolah RJK (Cina) bagi kampung-kampung baru seperti Kampung Gajah, Kampung Paya, Kampung Nyior, Paloh, Chaah dan Bekok pada tahun 1974, 1975, 1976 hingga sekarang.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, soalan Ahli Yang Berhormat kali ini adalah kurang terang kerana ia tidak menyebutkan nama-nama sekolah yang dimaksudkan. Saya

kira apa yang beliau maksudkan ialah sekolah-sekolah seperti berikut:

- (i) SRJK (C) Tuan Poon, Simpang Rengam
- (ii) SRJK (C) Sin Tiu, Paloh, Kluang
- (iii) SRJK (C) Chong Eng, Jalan Dato Teoh Siew Khor
- (iv) SRJK (C) Chain Min, Batu 1½, Jalan Parit Jawa
- (v) SRJK (C) South Malaya, Ladang Nenas, Simpang Rengam
- (vi) SRJK (C) Yu Ming, Ladang Kali Malaysia, Paloh, Kluang
- (vii) SRJK (C) Sambak Ladang, Kluang.

Projek-projek yang sedang dan akan dijalankan di sekolah-sekolah itu termasuk bilik-bilik darjah tambahan, bekalan air paip dan letrik, tandas dan perabut-perabut. Jumlah secara kasar ialah sebanyak \$127,700.

PEKERJA-PEKERJA ELECTRICAL AND ALLIED INDUSTRIES PETALING JAYA

24. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan hasil siasatan ke dalam aduan-aduan yang dibuat oleh pekerja-pekerja yang dibuang kerja oleh Syarikat Electrical and Allied Industries Sdn. Bhd., Petaling Jaya kerana pihak majikan tidak menepati perjanjian kolektif. Seramai 120 orang pekerja yang dibuang kerja itu masih belum menerima faedah-faedah berhenti kerja sejak bulan Mei lalu dan menyatakan sebab-sebab mengapa terdapat kelambatan dalam menghadapi tuntutan-tuntutan pekerja-pekerja itu.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyiasatan yang dijalankan adalah didapati bahawa Syarikat Electrical and Allied Industries Sdn. Bhd., Petaling Jaya telah mengalami satu kebakaran pada 2.5.77. Akibat daripada kerosakan besar ke atas jentera-jentera Syarikat tersebut, maka

seramai 116 orang dari jumlah 260 orang pekerja telah diketepikan (retrenched).

Mengikut perjanjian bersama di antara Majikan dan pihak Kesatuan Sekerja yang berkenaan iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Letrik, faedah-faedah wang pengenejian kerja hanya perlu dibayar kepada pekerja-pekerja yang telah berkhidmat selama 3 tahun dan lebih. Dari seramai 116 orang pekerja-pekerja yang telah diketepikan itu 38 orang didapati telah berkhidmat kurang dari 3 tahun dan yang demikian mereka ini tidak layak untuk mendapat faedah wang pengenejian kerja. Mengikut perjanjian bersama itu, faedah pengenejian kerja ialah 14 hari gaji bagi tiap-tiap satu tahun perkhidmatan.

Oleh kerana perjanjian ini tidak memberi faedah kepada 38 orang pekerja yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun maka kedua-dua pihak Majikan dan Pekerja telah mengadakan perundingan dan hasil dari perundingan tersebut ialah kesemua 116 orang pekerja ini adalah dibayar sebanyak 12 hari gaji bagi tiap-tiap tahun perkhidmatan mereka dan sebagai tambahan 15 hari gaji sebagai saguhati serta 1 bulan gaji pengganti notis. Cara penyelesaian ini adalah lebih munafaat kepada semua pekerja-pekerja. Setakat ini, hanya 4 orang sahaja masih belum datang ke pejabat syarikat itu untuk mengambil wang yang patut diterima oleh mereka.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS)

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan khas bagi Pengurusan dan Pentadbiran wajar Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibacakan kali yang pertama; akan

dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, di depan kita sekarang ialah perbahasan peruntukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Kepala B. 39 hingga B. 45 dan P. 40, P. 41, P. 44 dan P. 45. Saya faham Ahli Yang Berhormat dari Mukah waktu kita tangguhkan mesyuarat baru-baru ini baharu hendak mula bercakap. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Mukah bercakap.

3.30 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala P. 40 di muka surat 311, Butiran 1, 2 dan 3 untuk mendapat peruntukan berjumlah \$100,000,000 bagi Belanjawan 1978. Jumlah ini jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1977 adalah kurang sebanyak \$2,528,463.

Mengenai Balai-balai Polis dan rumah kediaman kakitangan polis adalah satu-satu perkara yang penting bagi menggalak semangat dan imej, Pasukan Polis sejajar dengan tugas dan disiplin mereka itu. Walaupun demikian, sudah tentu perkara seperti ini tidak dapat diatasi dengan setahun sahaja atau dengan perkataan yang lain boleh dibuat kesemuanya sekali gus seperti jumlah wang yang diminta oleh Kementerian ini sekarang. Namun demikian, saya berharap di mana keadaannya sangat memerlukan sudah pasti Kementerian ini memberi keutamaan untuk memperbaiki atau membina baik Balai-balai Polis atau rumah kediaman Pasukan Polis. Oleh yang demikian, disebabkan begitu banyaknya Balai-balai Polis mahupun rumah kediaman dan berek-berek polis di seluruh negara ada kemungkinan juga yang tidak disedari oleh Kementerian yang berkenaan. Oleh itu, jika belum ada cadangan untuk memperbesar atau memperbaiki lagi Balai Polis Daerah Mukah dan bereka sementara Pasukan Sempadan daerah ini saya merayu kepada Kementerian ini supaya balai itu diperbesarkan lagi seimbang dengan perkembangan dan tanggungjawab Polis yang ada sekarang. Dan saya merayu juga Balai Polis atau berek polis atau Pasukan Polis Tentera Kuching dibina baru supaya tidak begitu sempit seperti yang terdapat pada hari ini disebabkan tambahan bermacam-macam cawangan polis yang menggunakan bangunan tersebut, serta ingin juga saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya di Ulu Mukah dibina satu Balai Polis baru oleh kerana di tempat ini yang dikenal dengan nama Batu 50½ Jambatan Ulu Mukah telah dibangun sebagai satu daerah kecil baru sekarang sedang kembang dengan pesatnya. Pada masa sekarang terdapat lebih 20 pintu kedai di situ dan kawasan ini juga salah satu kawasan RASCOM di mana keselamatan tempat itu juga masih lagi mendapat perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, saya berpendapat apabila Pasukan Polis ditempatkan di situ dapat juga menjaga keselamatan bagi kawasan Ulu Balingian dan Tatau yang sudah dicerobohi oleh penjahat-penjahat serta dapat

memberi segala maklumat yang lebih tepat di bidang keselamatan kepada rakyat di situ. Selama ini rakyat di kawasan ini telah beberapa kali diancam oleh penjahat-penjahat. Dengan adanya Pasukan Polis yang lengkap dan tetap segala propaganda jahat yang mengelirukan fikiran rakyat dapat ditenangkan.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati dengan peruntukan yang disediakan kepada pasukan anjing apabila kami Ahli-ahli Parlimen diberi peluang melihat salah satu tempat pasukan anjing di Johor belum berapa lama dahulu. Saya rasa kagum dan mendapat tahu begitu bijak sekali pasukan ini mengesan musuh dan senjata-senjata yang diguna oleh musuh. Ini adalah memang menjadi perkara luar biasa. Sekiranya Kementerian yang berkenaan tidak mengambil berat atas tanggungjawab yang tertentu ini, jangankan kata anjing sebagai binatang mungkin manusia juga jika tidak diberi didikan dan latihan yang baik sukar untuk memikul tanggungjawab penting dan berat bagi kepentingan bangsa dan negara seluruhnya.

Saya berharap tiap-tiap negeri di negara kita ini yang masih lagi difikir oleh Kementerian ini keadaan keselamatan terancam walaupun dapat dikawal dengan baik disediakan dengan pasukan anjing untuk mengesan dan memburu musuh-musuh negara yang saya rasa mereka itu sentiasa mengambil perhatian gerak langkah daripada pihak kita dan Kerajaan. Jika kita membuat perhitungan yang silap sudah tentu disitulah peluang musuh. Maka saya berharap pasukan anjing dan polis biasa termasuk polis wanita ditambah lagi terutama di Negeri Sarawak. Sekarang polis wanita di negara kita ini telah terbukti begitu baik dan cemerlang sekali menjalankan tugas harian yang diberi kepada mereka terutama di bahagian lalu-lintas jalanraya. Dengan siapnya Balai Polis baru serta rumah kediaman berbentuk moden dengan dikelilingi pagar berduri sebagai lambang keselamatan daerah Dalat maka rakyat jelata daerah itu berasa bangga dan berterima kasih kepada Kerajaan semenjak begitu lama daerah itu ditinggal oleh polis yang menjadi tanda tanya rakyat di situ.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 14 muka surat yang sama mengenai kenderaan polis seperti enjin sangkut atau Land Rover yang dihantar ke daerah luar bandar. Selalunya saya lihat seperti di Mukah tidak begitu memuaskan seperti Land Rover polis atau enjin sangkut polis. Kadang-kadang apabila dikehendaki selalu diperbaiki di satu tempat yang rosak, tidak lama dipakai tempat yang lain pula rosak lagi, begitulah keadaan yang selalu berlaku seperti apa yang saya difahamkan. Oleh kerana Land Rover itu memang sudah tua macam-macam penyakit dialaminya, saya berharap segala kenderaan polis biarlah yang baik bagi menjamin tugas yang begitu perlu, di samping boleh memberi semangat yang lebih tinggi lagi kepada Pasukan Polis serta boleh menakutkan orang yang hendak melakukan satu-satu perbuatan melanggar Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dengan secara ringkas sahaja Kepala P. 41, Butiran 11 di muka surat 319 — Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman Pegawai Imigeresen. Mengikut apa yang saya lihat Pejabat Imigeresen di Sibü begitu sempit sekali sehingga sukar untuk pegawai yang bertugas di situ bergerak. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian yang berkenaan menyelidiki supaya satu pejabat imigeresen baru di Sibü dapat disediakan.

Mengenai rumah-rumah kediaman Pegawai-pegawai Imigeresen sebagai pegawai Jabatan Persekutuan adalah sukar untuk mereka itu mendapat rumah Kerajaan Negeri. Maka saya berharap Jabatan Persekutuan yang berkenaan bukan sahaja untuk kebaikan kepada Pegawai-pegawai Imigeresen bahkan untuk kebaikan semua kakitangan Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak membina rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Persekutuan, supaya mereka tidak merasa begitu sukar untuk mendapat rumah Kerajaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

3.38 ptg.

Dr. Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit-sebanyak tentang perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping ini saya hendak menyentuh mengenai Kepala B. 39, Butiran 1100 (4) — Tapisan Filem dan Penerbitan (Censorship of Films and Publications).

Tuan Pengerusi, saya hendak membawa ke perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai satu buku yang bertajuk “*Tetamu Khas*” — “*Special Guest of His Majesty’s Government.*” Buku ini ialah dikarang oleh bekas Menteri Pertanian iaitu Encik Aziz Ishak dan diterbitkan oleh Oxford University Press di tanahair kita. Buku ini telah ditahan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri disebabkan pegawai-pegawai yang berkenaan hendak menyiasat.

Tuan Pengerusi, apabila Encik Aziz Ishak mengarang buku itu beliau telah menyampaikan kepada saya manuscriptnya supaya saya boleh baca dengan teliti, bukan saya sahaja tetapi ada dua tiga orang lagi rakan-rakannya juga supaya buku ini tidak diharamkan oleh Kerajaan. Maknanya, beliau kuatir buku ini boleh dikatakan subversif oleh sebab bekas Menteri Pertanian ini ialah seorang yang telah ditahan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan beliau kuatir bukunya boleh diharamkan. Buku ini tajuknya “*Tetamu Khas*” menceritakan apa yang dialami oleh beliau apabila beliau ditahan oleh pihak Polis dan beliau telah menjadi His Majesty’s Special Guest. Apabila saya baca buku atau manuscript itu pada masa itu saya boleh katakan buku itu bukan subversif atau boleh mengancam keselamatan negara kita tetapi buku itu ada mengkritik dan mendesak Kerajaan dan saya percaya Kementeriannya dan pihak Kerajaan kita tentulah sedar seorang seperti Encik Aziz Ishak apabila beliau mengarang apa yang

dialami oleh beliau di dalam masa beliau ditahan oleh pihak Polis mestilah beliau mengkritik apa-apa yang dialami oleh beliau.

Pada pendapat saya itu tidak salah kalau katanya Kerajaan di dalam negara kita tidak seorang pun boleh mengarang satu buku atau satu artikel mengkritik atau mendesak Kerajaan mana kita boleh hidup di negara kita, langsung tiada opposite point of view. Oleh itu, saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri buku ini telah dijual di United Kingdom, di Indonesia, di Singapura dan pada pendapat saya akan dijual di Filipina dan di Thailand juga tetapi malangnya ditahan di Malaysia. Di dalam Negara-negara ASEAN cuma di Malaysia buku ini telah ditahan dan belum dikeluarkan untuk dijual kepada orang ramai. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan siasat perkara ini dengan segera dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

3.44 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, namun demikian saya ingin menyentuh muka surat 305, Kepala B. 40, Kod 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (4).

Dalam masaalah ini saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada khidmat-khidmat yang diberikan oleh Pasukan Polis Di Raja Malaysia bagi mententeramkan beberapa keadaan-keadaan yang berlaku di seluruh negara, baik merupakan daripada ancaman gerakan subversif atau gerakan pencerobohan dan sebagainya. Namun demikian, saya sukalah mengatakan ada beberapa perkara untuk diperbetulkan supaya keadaan ini tidak berpanjangan kerana apa yang berlaku pada masa sekarang jika diperhatikan jumlah bilangan jawatan pada tahun 1977 ialah 63,098 dan pada tahun 1978 dijangka 63,028; bermakna kekurangan

70 jawatan. Jadi bila berkurangan 70 jawatan tentulah kekuatan kawalan keselamatan kita ini berkurangan kerana apa yang terjadi yang ada pada masa ini ada berlaku beberapa kekurangan tenaga bagi mengamankan sesuatu perkara yang berlaku di satu-satu tempat. Dengan demikian, saya nampak bukan hendak membesarkan kekuatan keselamatan kita tetapi daripada peringkat ini sudah kurang daripada tahun 1978, mungkin pada tahun 1979 kelak kurang pula 700 dan pada tahun 1980 mungkin kurang pula 7,000 orang. Jadi tidak ada dibuat pengkajian supaya perkembangan penduduk ini disesuaikan dengan keadaan keselamatan negara.

Selain daripada itu, perbetul tempat-tempat kawalan supaya satu-satu Balai Polis di luar-luar bandar itu tidak terlalu luas kawasannya kerana apa yang saya suka sebutkan tidaklah satu Balai Polis itu mesti menempuh dua Balai Polis semula baru mendapat kawasan yang dikawalinya. Contohnya, saya berilah seperti Balai Polis Labu Kubong untuk mengambil laporan di satu kawasan perkampungan bernama Kampung Changkat Pinggan mesti menempuh Balai Polis Kampung Gajah dan Balai Polis Tanjung Tualang. Jadi sudahlah anggota di Balai Polis di satu-satu tempat itu tidak mencukupi, kemudian tugasnya dengan bidang yang luas dan jauh ini tentulah boleh dipisahkan supaya Changkat Pinggan itu dapat ditempatkan kawalan Kampung Gajah ataupun kawalan daripada Tanjung Tualang. Saya rasa ini boleh diselaraskan dan perkara ini sudah saya katakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini tetapi setakat ini tidak ada tindakan yang telah dibuat. Oleh yang demikian, saya haraplah kepada Jabatan yang berkenaan supaya dapat dibetulkan keadaan kawasan pengawalan Polis ini supaya tidak terganggu urusan-urusan biasa yang berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 332, Kepala B. 45, Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (4). Aktiviti (2) Pelajaran Orang Asli. Apa yang berlaku sekarang ini difahamkan beberapa kumpulan Orang-orang Asli ini telah ditempatkan pada sebuah

asrama dengan memberikan pelajaran bersama-sama dengan pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan. Ini adalah satu langkah yang bijak dan sungguh baik. Namun demikian, ada lagi beberapa kelompok kecil Orang Asli ini yang terbiar dan tidak begitu diikuti bagi perkembangan supaya Orang Asli ini tahu akan keadaan dunia. Dalam hubungan ini saya sukalah menekankan supaya layanan pelajaran kepada anak-anak Orang Asli ini hendaklah diperkuatkan supaya pembesaran rumah ataupun tempat kediaman tumpangan mereka itu dibesarkan dan ditambah segala perbelanjaan dan sebagainya supaya anak-anak Orang Asli inipun dapat hidup bersama dengan orang-orang lain.

Dalam Aktiviti (4), Pembangunan Sosial dan Ekonomi Orang-orang Asli ini yang sebaik-baiknya dapatlah dikurangkan keadaan yang berlaku sekarang. Apa yang saya perhatikan seseorang Pegawai Orang Asli ini hendak datang ke kawasan itu telah diberitahu, maka Orang Asli kawasan inipun menyediakan minuman teh, maka pegawai itu datang bawa rokok, bawa roti, sampai di situ beri semua orang, satu orang satu batang rokok, mereka pun hisap. Pendekatannya merupakan sebuah kilang yang baru naik, semuanya menghisap rokok. Selepas itu pegawai itupun bercakaplah mengikut loghat daerahnya iaitu mengikut sukunya. Habis bercakap tidak ada apa pembangunan yang boleh diberi, sumbangan yang boleh diberi yang boleh menyedarkan Orang Asli ini ke arah mencapai matlamat kemajuan membolehkan mereka itu berubah fikiran dan sebagainya supaya menyertai kegiatan Kerajaan.

Dalam kesempatan ini juga pembangunan ekonomi Orang Asli ini yang sebenarnya ada satu golongan yang tertentu untuk mengambil kesempatan daripada ekonomi Orang Asli ini. Orang inipun datang juga ke kawasan Orang Asli ini dengan cara yang sudah dibuat oleh pegawai Orang Asli. Caranya begini: Orang Asli ini perlukan makanan, rokok, minuman dan bahan-bahan makanan yang lain. Satu

golongan ini tadi datang bawa barang-barang ini, beri beras dan sebagainya kerana berkehendakkan supaya orang Asli ini tadi membenarkan kawasan tanah mereka itu — bukan Orang Asli ini yang membuatnya, bahkan orang yang berkehendakkan kawasan itu membangunkan seperti tanaman ubi kayu, tanaman sayuran dan sebagainya, tetapi laporan yang sampai kepada ibupejabat mungkin inilah Orang Asli yang membuatnya. Segala hasil yang diterima yang keluar daripada bumi yang telah dihakmilikkan dan ditandakan untuk Orang Asli ini tadi golongan ini yang mendapatnya. Saya harap perkara ini dapat diubah supaya dalam bahagian pembangunan ini nanti supaya dapat dibaiki ataupun dibenteras kegiatan golongan ini untuk mengambil hasil yang ada di kawasan di sekitar Orang Asli.

Di dalam hubungan ini saya sukalah menyentuh muka surat 335, P. 45, Butiran (1) Projek-projek Ekonomi kepada Orang Asli ini. Caranya saya sukalah mencadangkan. Yang pertama, mana-mana juga tanah ataupun kawasan hutan yang telah diperuntukkan kepada kawasan Orang Asli hendaklah digezetkan. Kalau tidak digezetkan maka tanah Orang Asli ini akan menjadi beberapa pecahan dan akan pindah milik kepada orang-orang yang mengetahui di dalam Pejabat Tanah. Ini saya suka mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengezetkan kawasan-kawasan tanah di mana juga yang telah ditandakan untuk Orang Asli.

Yang kedua, bagaimana cara hendak memajukan Orang Asli kepada tanah yang telah digezetkan dan ditandakan ini; caranya mudah sahaja. Apa yang dibuatkan oleh orang-orang yang hendakkan kekayaan daripada tanah yang diuntukkan Orang Asli. Jangan beri wang kepada Orang Asli ini. Beri mereka beras, ikan kering, rokok dan sebagainya, kemudian suruh Orang Asli ini bekerja. Wang pembangunan ambil daripada peruntukan P. 45 ini. Badan untuk memajukan tiap-tiap tempat, Kampung Koperasi

Peladang ada, Jabatan Pertanian boleh memberikan khidmat-nasihat, tubuhkan satu jawatankuasa kecil di mana-mana juga tanah-tanah Orang Asli ini untuk membantu Orang Asli ini.

Yang ketiga, dalam hal ini juga sukalah saya menekankan hendak memajukan Orang Asli ini supaya keaslian seni mereka ini dapat kita perembangkan — bukannya hendak menghapuskan sebagai mengenangkan keturunan dan jenerasi mereka ini patut ditubuhkan sebuah sekolah seni pertukangan Orang Asli. Dengan penubuhan ini kita dapat mengumpulkan beberapa ramai Orang-orang Asli yang sudah lama-lama yang bijak di dalam seni pertukangan, dikumpulkan dan daripada situ boleh melatih anak-anak ataupun keturunan orang-orang Asli ini ataupun siapa juga yang hendak belajar bahagian seni pertukangan dari Orang Asli boleh kita tempatkan bersama-sama dengan masyarakat bukan Orang Asli. Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

3.53 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya ingin menyentuh kepada Kepala P. 41, Butiran (Projek) (1), muka surat 319 iaitu Jabatan Imigeresen — Pejabat-pejabat dan Rumah Kediaman.

Tuan Pengerusi, Jabatan Imigeresen adalah sebuah jabatan iaitu menjaga keselamatan negara, mengawal orang-orang asing dan mengatur kemasukan orang-orang asing ke negara ini dan juga memberi kemudahan perjalanan rakyat Malaysia keluar dan masuk negeri, begitu juga mengeluarkan paspot-pasport dan surat-surat perjalanan yang lain-lain sambil itu juga melaksanakan dasar Kerajaan di bidang kewarganegaraan, jawatan-jawatan dalam firma-firma, per-

mohonan untuk mendapatkan permit kerja, mendaftar dan menyimpan rekod-rekod orang-orang asing yang bekerja di negara ini dan mengeluarkan pas-pas kerja sementara, pas-pas pengajian, pas-pas tanggungan dan lanjutan kepada pas-pas dan berbagai-bagai pas yang lain.

Tuan Pengerusi, semenjak jabatan ini ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua iaitu dalam tahun 1946 Pegawai-pegawai Imigeresen tidaklah sebegitu ramai seperti yang terdapat sekarang. Tugas seorang pegawai itu sangatlah berat jika dibandingkan dengan Pegawai-pegawai Jabatan lain. Mereka ini diberi latihan-latihan yang cukup sebelum menjalankan tugas. Di samping itu juga mereka menjalankan tugas siang dan malam kadangkala sampai jauh malam dan bukan sahaja di darat tetapi juga di laut, di Lapanganterbang dan di sempadan-sempadan. Di samping itu juga mereka bertanggungjawab meneliti senarai hitam orang-orang asing yang dilarang masuk ke negara ini. Kebanyakan mereka ini masih bujang dan banyak pula yang sudah berumahtangga. Tiap-tiap seorang pegawai itu dikehendaki berkhidmat selama tiga tahun di satu-satu tempat yang tertentu. Kadang-kadang mereka mengalami berbagai-bagai masalah kediaman yang menjadi satu masalah besar kerana kekurangan rumah Kerajaan seperti di sempadan Thai atau di tempat-tempat lain.

Punca yang besar sekali ialah berkenaan dengan anak-anak mereka yang bersekolah rendah atau menengah. Seringkali masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai di Sempadan Thai ialah kekurangan kemudahan utama seperti bekalan letrik dan air, kadangkadang mereka terpaksa menggunakan air telaga. Peruntukan sebanyak \$1,500,000 bagi tahun hadapan untuk Pejabat-pejabat dan Rumah Pegawai-pegawai ini tentulah tidak mencukupi kerana bilangan kakitangan yang mungkin telah bertambah ramai kalau dibandingkan dengan 150 pegawai dalam tahun 1950 dengan 1,300 dalam tahun 1977 sangatlah berbeza. Jadi, masalah rumah

kediaman pegawai-pegawai ini hendaklah diatasi dengan secepat mungkin. Ini adalah mengelakkan supaya pegawai-pegawai yang bertugas di Sempadan Thai tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang menyalahgunakan dadah dan anasir-anasir jahat. Saya berasa simpati terhadap mereka ini kerana saya sendiri telahpun mengalami perkara ini setelah berkhidmat dengan jabatan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada B. 41, Kod 1300, muka surat 314 — Tambahan Kos Kakitangan. Sepertimana yang saya katakan tadi Jabatan ini mempunyai lebih kurang 1,300 orang kakitangan tetapi bila memandangkan kesibukan di Jabatan-jabatan Imigeresen di seluruh negeri pada tiap-tiap hari terdapat banyak orang-orang awam yang datang ke pejabat tersebut yang menunggu dari pagi hingga ke petang untuk mendapatkan paspot atau lain-lain pas perjalanan. Ini adalah satu masalah besar yang dihadapi oleh jabatan ini sekarang. Satu daripadanya ialah masalah pejabat-pejabat di seluruh negara adalah seperti emporium dan mini market. Sebab saya katakan begitu ialah kerana ramai orang yang datang penuh sesak keluar masuk di Pejabat Imigeresen Kuala Lumpur kerana tempatnya tidaklah begitu besar untuk mengendalikan bermacam-macam jenis masalah orang ramai.

Kekurangan kakitangan boleh menyebabkan satu daripada punca kelemahan pejabat ini kerana orang ramai tidak mengikut sistem pentadbiran yang dijalankan oleh Kerajaan. Berbagai tuduhan dilemparkan kepada pegawai-pegawai yang berada di situ. Dari pengalaman saya Jabatan Imigeresen patut diadakan berasingan dari pejabat lain dengan mempunyai satu bahagian yang tertentu untuk mengelakkan kelam-kabut yang berlaku tiap-tiap hari. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri dapat menyaksikan sendiri apa yang berlaku di Pejabat Imigeresen Kuala Lumpur itu tentu Yang Berhormat itu bersetuju dengan saya. Setengah daripada kaunter yang ada di pejabat itu sangat mendukacitakan kepada pegawai yang ber-

tugas di situ. Orang awam yang beratusan berkumpul di situ di hadapan mereka, kadangkala mereka itu merasa takut kehilangan paspot-paspot atau dokumen-dokumen penting yang ada di atas meja mereka ada kalanya berlaku kerana kurang kawalan (security) secara tertutup dengan lengkapnya di hadapan mereka.

Tuan Pengerusi, setahu saya di dalam tahun 1975 Kerajaan ada merancang hendak mendirikan sebuah bangunan di kawasan Pudu iaitu berhampiran dengan bangunan Polis. Setakat ini belum ada projek tersebut didirikan. Saya sendiri telah melihat pelan-pelan yang telah dikemukakan kepada Kementerian yang berkenaan, tetapi setakat manakah yang telah dilaksanakan atau dirancangkan. Saya yakin Kementerian yang berkenaan tahu apa yang berlaku, tetapi saya berharap benar supaya Kementerian berkenaan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang ramai berkenaan dengan perkara tersebut. Di mana-mana pun Pejabat Imigeresen menghadapi masalah yang sama kerana pada masa-masa yang lampau Kerajaan tidak mengambil berat sangat terhadap Jabatan Imigeresen oleh kerana nama imigeresen ini baru sahaja diketahui oleh orang ramai di negara ini. Saya berharap kepada Timbalan Menteri yang berkenaan mengambil tindakan sewajarnya untuk mendirikan Jabatan Imigeresen sepertimana yang diberikan kepada jabatan-jabatan Kerajaan yang lain di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 43 berkenaan kawalan perondaan. Setahu saya sekarang Jabatan ini telah mengadakan suatu pasukan petugas (task force) di merata-rata tempat di sempadan Malaysia-Thai. Kalau tak salah saya sebanyak 120 orang pegawai yang ditempatkan di sempadan tersebut. Mereka ini diberi latihan yang cukup seperti menggunakan senjata api dan lain-lain, tetapi malangnya kebanyakan pegawai-pegawai itu masih lagi mentah dalam segi pentadbiran dan lain-lain. Tugas yang diberikan kepada mereka adalah merbahaya

kerana kekurangan senjata untuk mempertahankan diri mereka dalam masa kecemasan. Dari segi latihan menggunakan senjata saya percaya mereka itu tidak begitu cekap semacam Pegawai-pegawai Kastam sepertimana yang diketahui setakat hari ini banyak daripada pegawai-pegawai ini merasa gelisah hendak meninggalkan tugas mereka sekiranya mereka dibenarkan bertukar ke bahagian yang lain dalam jabatan yang sama. Sepatutnya seseorang pegawai hendaklah diberi senjata sepertimana yang diberi kepada Pegawai-pegawai Kastam. Mereka ini adalah fully trained officers dan berkelayakan sungguhpun mereka menjalankan tugas bersama-sama dengan pasukan polis, kastam dan pegawai-pegawai LPN mereka itu telah dilengkapi dengan senjata dengan secukupnya. Oleh yang demikian, saya suka hendak mengesyorkan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan supaya dapat membekalkan senjata yang moden seperti yang saya katakan tadi. Saya berharap pegawai-pegawai itu semasa menjalankan tugas seboleh-bolehnya supaya jangan memakai pakaian seragam, sebaliknya hendaklah berpakaian biasa supaya tidak dikenali oleh penyeludup-penyeludup dan anasir-anasir jahat.

Pasukan task force yang ada sekarang sepatutnya ditambah di Pejabat-pejabat Imigresen seperti di Ipoh, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka dan Johor Bahru untuk memperkuatkan yunit-yunit yang ada oleh kerana terdapat di bandar-bandar tersebut, perempuan dari luar negeri mencari makan secara haram di hotel-hotel yang besar dalam negeri ini. Seringkali terdapat perempuan-perempuan ini membuat lawatan ke negara ini sebagai pelancung, walhasil dari laporan yang saya terima dari rakan-rakan saya seorang perempuan dari luar negeri datang sebagai pelancung dan menginap di hotel dan setelah mendapat hasil yang banyak mereka meninggalkan negara ini selepas seminggu. Dengan memperkuatkan pasukan petugas membuat pemeriksaan secara mengejut ke hotel-hotel atau kelab-

kelab malam, pasukan tersebut hendaklah diberi kuasa penuh untuk membasmikan perbuatan seperti itu. Hotel-hotel dan kelab-kelab malam memang tidak menolak sama sekali kedatangan atau kemasukan perempuan-perempuan high class society dari negara-negara asing kerana kepada mereka ini adalah business. Seringkali terdapat banyak dari kelab-kelab malam yang kecil mengadakan pertunjukan filem lucah.

Perkara seperti ini tidak dapat dikawal oleh Bahagian Pencegah Maksiat atau Polis kerana susah hendak mendapatkan maklumat dari orang ramai. Kementerian berkenaan boleh memberi kuasa penuh kepada pasukan itu bukan sahaja untuk mereka pergi ke hotel-hotel memeriksa orang asing bahkan mereka itu boleh menyiasat ke industri-industri kilang asing di negara ini untuk memastikan samada orang-orang asing iaitu bukan warganegara Malaysia bekerja secara haram iaitu tanpa pas bekerja. Walau bagaimanapun, saya berharap supaya Kementerian berkenaan menimbangkan ucapan saya tadi demi kepentingan dan keselamatan negara dan rakyat kita keseluruhannya.

4.08 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam perbincangan peruntukan yang diminta oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri saya suka menyebut satu perkara sahaja di bawah Kepala B. 40 mengenai Balai-balai Polis dan rumah-rumah kediaman dan ada kaitan dengan Butiran 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Rancangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyampaikan sedikit dukacita mengenai keadaan balai-balai polis dan rumah-rumah kediaman di luar bandar. Walaupun perkara ini beberapa kali telah ditimbulkan di dalam Dewan ini ataupun di mesyuarat-mesyuarat tindakan daerah dan sebagainya, tiap kali apabila ditimbulkan oleh Wakil-wakil Rakyat samada Ahli Parlimen ataupun Ahli Negeri maka sudah tentu jawapan yang pertama yang

diterima kerana kekurangan peruntukan. Kedua jawapan selalu kita terima kerana di kawasan luar bandar tidak mempunyai rumah-rumah yang sesuai untuk disewa bagi dijadikan pondok-pondok polis dan balai-balai polis. Maksud saya kebanyakannya di luar-luar bandar di Trengganu hampir keseluruhannya yang disewa adalah daripada rumah-rumah orang kampung biasa dan di situlah tempat penginapan anggota polis yang ditempatkan di situ dan di situ juga merupakan sebagai balai polis. Jadi kalau kebetulan di kawasan yang ditempatkan itu mempunyai rumah yang sesuai kita akan dapati sesuailah keadaannya, tetapi sebagaimana kita sedia maklum bahawa rumah-rumah di dalam kawasan luar bandar memang sukar didapati rumah yang sesuai bagi dijadikan pondok polis dan tempat kediaman polis. Oleh hal yang demikian, Tuan Pengerusi, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya mengambil perhatian yang berat dan mengambil tanggungjawab yang sungguh-sungguh dalam pembahagian peruntukan mengenai butiran ini. Walaupun saya sedar kalau hendak dikirakan peruntukan yang telah diperuntukkan bagi tahun hadapan ini mungkin banyak ataupun mungkin sedikit sebab saya sendiri tidak tahu dengan sebenarnya akan rancangan yang hendak dilaksanakan pada tahun hadapan ini. Walau bagaimanapun, saya merayulah kepada Kementerian ini supaya mengutamakan atau memberi layanan yang utama kepada tempat-tempat, keadaan-keadaan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya tidak hendak menyebut satu persatu di sini sebab kalau di Trengganu itu boleh dikatakan hampir keseluruhan atau lebih daripada 50% keadaannya tidak sesuai dan bukan perkara ini tidak dirungutkan dan bukan perkara ini tidak disampaikan kepada pihak berkenaan tetapi keadaannya masih lagi sebagaimana yang sedia ada.

Saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya kawasan-kawasan seperti ini diberi peruntukan dan dibangunkan bangunan sendiri, walaupun bangunan kayu dapat digunakan. Sebab saya sedar benar umpama-

nya dua tiga tempat di kawasan saya sudah bertahun-tahun rumah yang disewa itu sudahlah tidak sempurna dan rumah itu hampir hendak roboh dan perkara ini dirancangan sudah beberapa tahun dahulu. Inipun satu masaalah. Apabila diulang-ulangkan dalam mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah baharulah jawapan didapati mengatakan ada peruntukan tetapi sudah setahun sehingga sekarang ini belum lagi dilaksanakan. Saya tidak tahu di mana tempat lambatnya dan silapnya. Saya membuat rayuan ini supaya dapat diberi kepada anggota-anggota polis yang bertugas di luar bandar ini sedikit kemudahan yang sesuai.

Satu perkara lagi yang ada hubungan dengan ini ialah mengenai keselamatan kampung-kampung. Selalu benar kalau di Trengganu itu samada di peringkat negeri atau peringkat daerah jawapannya tidak cukup anggota atau kakitangan Polis. Apabila diminta untuk menempatkan seorang atau dua orang anggota Polis di kawasan-kawasan pendalaman yang difikirkan menasabah dan sesuai ditempatkan anggota keselamatan di tempat itu, maka jawapannya anggota Polis tidak cukup kita tidak dapat hendak menghantar walaupun pegawai-pegawai yang berkenaan mengakui memang sesuai dan menasabah ditempatkan anggota polis ini. Saya merayu kepada Kementerian ini yang pertama supaya menyegerakan pengambilan anggota-anggota polis baharu ini dan dengan menyegerakan pengambilan ini mudah-mudahan dapat disegerakan menghantar tambahan anggota-anggota polis di Trengganu bagi memenuhi keperluan-keperluan yang ada sekarang ini.

Itulah yang saya suka sampaikan pada hari ini dan saya tidak menafikan kerjasama dan kesungguhan anggota-anggota polis selama ini memberi kerjasama atau menjaga keselamatan bagi keselamatan orang-orang kampung. Tetapi apa yang saya sebutkan hati dan kekurangan-kekurangan yang masih terdapat dan jawapan-jawapan yang masih

kita tunggu bahawa pihak Kementerian ini dapat memenuhi hasrat ini dan memenuhi keperluan ini.

4.15 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi saya minta izin menyentuh Kepala P. 44 di muka surat 329, Butiran (Projek) 1 iaitu Penjara Pusat di Kajang.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah dikemukakan beberapa kali dan saya suka hendak mengemukakan sekali lagi perkara ini iaitu kalau boleh supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menimbang tempat yang lain untuk Penjara Pusat iaitu di tempat lain daripada Kajang oleh kerana berhampiran dengan tempat Penjara Pusat ini terdapat dua universiti yang boleh dikatakan terkemuka di negara ini, yang satunya ialah Universiti Kebangsaan yang tidak berapa lama lagi akan berjalan begitu pesat di kawasan yang telah ditempatkan di Bangi dan boleh dikatakan sebahagian besar telahpun dipindahkan ke tempat kampus mereka yang baharu dan Universiti Kebangsaan Malaysia adalah menjadi satu lambang kebanggaan bagi negara kita dan berhampiran dengan Universiti Kebangsaan terdapat satu lagi universiti iaitu Universiti Pertanian yang juga menjadi satu daripada kebanggaan negara kita dan di antara dua universiti ini ialah satu pekan baharu iaitu pekan Baharu Bangi dan sudah tentu keempat-empat kawasan ini iaitu Universiti Pertanian, Universiti Kebangsaan, Pekan Baharu Bangi dan Kajang akan menjadi satu unit bangunan yang pesat dan di dalam keadaan yang sedemikian terdapat di situ Pusat Penjara bagi negara kita. Saya amat merasa sedikit bimbang takut-takut kalau keadaan yang kita cuba hendak rancang di mana kawasan Kajang dan Bangi yang akan menjadi satu tempat academic town ataupun bandar kebudayaan dan pusat pelajaran tinggi boleh terjejas dengan adanya di situ Penjara Pusat bagi negara kita.

Tuan Pengerusi, saya amat merayu kepada budibicara Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kalau boleh dipertimbangkan kembali, kalau boleh ditempatkan sahaja Pusat Penjara ini di mana-mana tempat tetapi janganlah berhampiran dengan Kajang, Bangi, Universiti Kebangsaan ataupun Universiti Pertanian. Sungguhpun saya sedia maklum dan saya faham kerja-kerja asas sudahpun dimulakan di situ tetapi kerja-kerja yang dimulakan itu belum jauh lagi, hanya sedikit-sedikit sahaja dan rasa saya tidak ada kita mempunyai kerugian yang besar sekiranya kita mengambil tindakan sekarang untuk mengalihkan tempat Pusat Penjara Negara kita daripada tempat yang telah ditentukan sekarang ini kepada satu tempat yang lain dan tempat Pusat Penjara Negara ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain tidaklah akan tertinggal dan rugi begitu sahaja, tetapi saya percaya rancangan-rancangan yang lain boleh ditempatkan di tempat asal Penjara Negara kita dan Penjara Negara kita boleh dialih di tempat yang saya percaya banyak tempat-tempat yang lain yang mungkin lebih sesuai daripada beberapa aspek.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah yang saya suka hendak sentuh dan sekali lagi saya merayu di sini di atas simpati dan budibicara Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk mengkaji balik dan menimbang sekali lagi tempat Pusat Penjara Negara kita yang telahpun ditulis di sini nampaknya di Kajang.

4.20 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah (Silam): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dipohon oleh Timbalan Menteri Kementerian ini bagi membiayai perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan untuk tahun 1978. Pertama sekali saya suka memberi pandangan di muka surat 301, Aktiviti (2), Keselamatan Sempadan.

Di Sabah untuk menjaga keselamatan sempadan ini, pengambilannya adalah anih sedikit, kerana kebanyakan pengambilan ini, rasa saya, kurang penyelarasan atau pengalaman, iaitu kalau boleh, apalah kiranya diambil dari bekas-bekas Ranger, kerana mereka ini berpengalaman berkenaan tentang disiplin beruniform serta juga menggunakan senjata dan cara ini juga boleh kita mengurangkan pengangguran dari bekas-bekas Ranger yang telah diberhentikan dari perkhidmatan, lebih-lebih lagi, bekas-bekas Ranger ini tahu sedikit-sebanyak bagaimana hendak mempertahankan tanah air, diri atau menyerang musuh dan Kerajaan juga dapat mengurangkan perbelanjaan memberi latihan serta juga masa latihan dapat dipendekkan. Saya harap, dalam pada masa yang akan datang ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan hendaklah mengurangkan pengangguran dari kalangan bekas-bekas Ranger ini dengan mengambil mereka berkhidmat dalam Border Scout untuk menjaga keselamatan sempadan negara kita.

Tuan Pengerusi, di muka surat 311, Butiran 1, Balai-balai Polis dan Rumah-rumah Kediaman. Saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan, mengenai pembinaan sebuah Balai Polis di Semporna. Pada akhir-akhir ini Menteri yang berkenaan, seorang daripada Menteri-menteri Kerajaan Pusat, telah melawat kawasan pendalaman iaitu melawat Semporna dan saya kira beliau juga dapat taklimat yang betul berkenaan kemajuan keselamatan dan pembangunan Balai-balai Polis dan Kediaman di daerah Semporna khususnya dan Pantai Timur amnya. Bangunan Balai Polis ini, pada kiraan saya, sengaja diterbengkalaikan begitu sahaja dengan begitu lama, kerana sesudah di piling 2, 3 tahun yang lepas sehingga sekarang tidak dimajukan lagi dan pada hari ini, apa yang didapati tinggi pokok-pokok tumbuhan dari piling yang telah dipasak ke dalam tanah dan besi-besinya pun sudah reput berkarat dan semak-semak ini menjadi mudharat kepada penduduk-penduduk di sekitarnya, tempat membiak nyamuk aedes. Saya harap Balai

Polis Semporna ini dapat dibangunkan segera, supaya rakyat di sana tidak hidup dalam kekuatiran dengan tidak adanya Balai Polis yang semporna serta juga menambah lagi bilangan Polis daripada yang ada sekarang.

Ada satu perkara lagi tentang Balai Polis yang didirikan di Pulau Bumbun. Sungguh anih sekali Kementerian ini membuat kajian — didirikan Balai Polis di Pulau Bumbun dengan memakan perbelanjaan wang rakyat yang begitu banyak, membazir. Setelah didirikan ditinggalkan begitu sahaja, sehingga alat perkakas dan kelengkapan yang disediakan dalam Balai Polis itu kehilangan, lepas. Sepatutnya perbelanjaan yang membazir begini hendaklah direferkan balik ke Parlimen ini, kerana apabila meminta wang untuk mendirikan Balai Polis sebegini, macam-macam rayuan dicurahkan di Dewan yang mulia ini tetapi setelah diluluskan, Balai Polis itu menjadi sia-sia sahaja, atau akan menjadi Polis Station Berhantu di Pulau itu — tiada siapa yang mengambil tahu. Jadi dengan adanya perkara ini ditimbulkan di sini, saya harap Pak Menteri akan ambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh supaya perkara-perkara membazir, cuai, seperti ini tidak melarat ke tempat-tempat lain. Bukan kita mendirikan Balai-balai Polis sebagai sebab-sebab politik, kita mendirikan Balai-balai Polis ini oleh kerana berkehendakkan keamanan dan keadilan sepanjang masa di negara kita.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan kelengkapan, di muka surat 311 juga Butiran 11 — Lanci-lanci Polis. Di Sabah, terutama sekali di sebelah Pantai Timur kegunaan lanci-lanci ini memang mustahak, terutama sekali kerana membendung kegiatan lanun-lanun yang tidak diingini, serta juga membenteras kemasukan orang-orang secara haram dan di sana banyak terdapat pulau-pulau yang diduduki oleh rakyat kita. Apa yang saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, lanci-lanci yang ada di sana, kebanyakannya berjalan seperti kura-kura lajunya dan ada pula

yang rosak tidak diperbaiki begitu lama, sungguhpun sudah dibuat laporan, serta juga lanci-lanci ini menggunakan alat senjata yang bukan moden, jika dibandingkan dengan alat senjata pirate modern sekarang ini. Ada pula terdapat lanci-lanci ini hanya boleh berlabuh sepanjang tahun di tepi pantai kerana enjinnya rosak dan banyak lagi details kalau saya hendak huraikan di sini. Apa yang saya fikir perlu, untuk masa hadapan ini, lanci-lanci Polis di Pantai Timur Sabah hendaklah ditukar dengan lanci yang baru dan moden sejajar mengikut kemajuan zaman negara kita. Kerana ada yang terdapat lanci-lanci yang diletakkan di Pantai Timur itu lanci keluaran sebelum kita merdeka, cuma di make-up sahaja dengan cat ICI, boleh jadi, supaya nampak indah, senyum sepanjang masa.

Tuan Pengerusi, suka juga saya menyentuh di muka surat 311, Butiran 14 tentang Kenderaan-kenderaan. Apa yang saya dapati sekarang, terutama sekali di Bandaraya kita ini, banyak sangat kenderaan-kenderaan Polis ini terdiri dari jenis yang besar-besar untuk membuat rondaan, dan supaya ada prestige orang melihatnya. Untuk kegunaan dalam Bandaraya yang sibuk ini, pada fikiran saya, hendaklah digunakan kenderaan yang menasabah termasuk di akal. Kalau digunakan kenderaan yang besar bagaimana pula hendak mengejar sesuatu dengan cekap dan pantas dengan keadaan jalanraya yang begitu unik, traffic jam didapati setiap hari. Saya harap untuk mengatasi kenderaan Polis di Bandaraya ini, sepatutnya, untuk Bandaraya yang begitu sibuk, Polis Di Raja kita patut menggunakan kereta yang menasabah serta berhelikopter, untuk mengesan sesuatu kejadian jenayah dengan lebih hebat lagi dan menambah keyakinan dan kepercayaan rakyat ke atas keamanan negara kita.

4.28 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi pihak Kementeriannya, dan saya ingin mengambil peluang menyebut beberapa perkara yang ada kaitan dengan Kementerian ini yakni kepada 'Polis Di Raja Malaysia' Kepala B. 40, Butiran 1100, 1300 dan 2700.

Tuan Pengerusi, apabila sahaja disebutkan Polis Di Raja Malaysia kita terbayang bagaimana perkhidmatan mereka di dalam negara ini pada sepanjang masa dan keselamatan negara kita terjamin di atas apa yang telah ditugaskan kepada mereka, baik pun di dalam bandar besar lalulintas terlalu sibuk kalau tidak kerana Polis yang begitu cekap kemungkinan Ahli-ahli Yang Berhormat bertolak daripada tempatnya ke Parlimen ini mengambil masa yang begitu lama tetapi bagi saya pada tiap-tiap hari hanya 5 minit sahaja boleh sampai ke sini.

Tuan Pengerusi: Dari mana Yang Berhormat?

Tuan Hashim bin Ghazali: Daripada Hotel, Tuan Pengerusi, bukan itu sahaja di dalam pertandingan Quran yang begitu besar Polis juga mengambil peranan, di dalam mengawal keselamatan Parlimen ini juga Polis mengambil peranan. Bagi menyambut, mengawal Ketua-ketua Negara asing pun juga Polis dapat mengawal mereka dengan aman. Contoh yang paling istimewa sekali Persidangan ASEAN di negara kita baru-baru ini, kesibukan Polis Di Raja Malaysia, kecekapan mereka menyebabkan Ketua-ketua Negara ASEAN dan pengiring-pengiring mereka memberi penghargaan kepada Polis Di Raja Malaysia. Oleh sebab itu, sudah sesuainyalah saya mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah bukan sahaja kepada Polis Di Raja Malaysia bahkan tokoh mereka iaitu Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mempunyai ketokohan bagi menjaga keselamatan negara pada masa ini.

Di samping itu, saya ingin menyebut berkenaan dengan tanggagaji yang telahpun

diluluskan oleh pihak Kementerian ini kepada keseluruhan Polis Di Raja Malaysia. Saya dapati mereka telah berpuas hati dengan keadaan ini bahkan diharap jika kenaikan gaji akan dibuat lagi kepada pegawai-pegawai yang lain, Polis Di Raja Malaysia hendaklah patut sama sebagai pegawai-pegawai yang terlibat.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudah menyebut beberapa kali ia akan mengadakan undang-undang berkenaan dengan penerbitan dan tulisan lucah, yakni gambar-gambar lucah yang ada di dalam negara kita pada masa ini, boleh didapati di mana-mana juga di Kuala Lumpur ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut akan mengadakan undang-undang ini dan akan diambil tindakan apabila sahaja undang-undang diluluskan. Hal ini saya sangat-sangat tertarik hati oleh kerana saya sebut tadi ketokohan yang ada pada Timbalan Menteri yang berkenaan, bukan sahaja keselamatan yang dipimpin oleh Polis Di Raja Malaysia, bahkan perkara yang disebut ini sudah lama disebut dan bukan sahaja patut undang-undang ini baru hendak dijalankan, kalau boleh apabila sahaja peruntukan perbelanjaan Kementerian diluluskan hari ini, bolehlah dijalankan mulai daripada besok, kerana gambar-gambar yang dimaksudkan saya tidak faham bagaimana oleh kerana undang-undang ini tidak dibuat lagi, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat penjelasan bagaimana yang disebut gambar lucah; adakah gambar lucah yang berupa seorang wanita yang memakai pakaian sedikit — itu gambar lucah, ataupun merupakan seorang wanita yang sebelah atas tidak memakai pakaian, di bawah pakai — itulah gambar lucah, ataupun di sebelah bawah tidak pakai, sebelah atas pakai — itukah gambar lucah, ataupun tidak pakai langsung, adakah itu gambar lucah? Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, bagi pandangan khasnya

saya sendiri barangkali Ahli Yang Berhormat dari Sepang sudah maklum gambar-gambar seperti ini tetapi dia tidak mengalami, sepatutnya pada pandangan saya sendiri gambar-gambar ia memakai pakaian tersebut salah satu daripadanya tadi ataupun keseluruhannya tidak memakai pakaian langsung. Ini dianggap oleh masyarakat kita sebagai lucah. Jadi oleh kerana saya belum mendapat penerangan lagi bagaimanakah gambar lucah, kalau apa yang saya sebutkan ini lucah, pada masa ini boleh terdapat di mana-mana di bandar Kuala Lumpur. Bahkan saya biasa terdapat di dalam bilik pegawai Kerajaan sebuah Kementerian yang ada gambar di pintu, apabila saya masuk saya lihat.

Saya tidak bermaksud supaya gambar seperti itu dibuang seberapa segera daripada bilik pegawai yang berkenaan kerana ia tidak melibatkan orang ramai, hanya melibatkan ia seorang sahaja dengan sahabat-sahabatnya yang lain, tetapi gambar-gambar yang masih terpampang di dalam kedai-kedai yang besar, di supermarket, di tepi-tepi jalanraya yang menjual pada sebelah malam, sebelah siang, di mana-mana sahaja, bukan sahaja di Kuala Lumpur; di Taiping di tempat saya pun sudah ada pada masa ini. Jadi ertinya gambar ini sudah diterima oleh sebahagian daripada masyarakat kita dan ingin dimiliki oleh mereka kerana kebebasan penjualan. Jadi saya menyokong sangatlah undang-undang yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini supaya tindakan dapat diambil dan dapat mengurangkan sekurang-sekurangnya keadaan yang disebut masyarakat kita ini sudah begitu lumrah dengan kebudayaan-kebudayaan kuning yang telah masuk ke dalam negara kita dengan begitu mudah pada masa sekarang. Bukan ini sahaja, jika sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri berfikir ada masalah-masalah lain yang boleh diatasi bila-bila masa sahaja untuk kita memberi segala bantuan, sokongan dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut berkenaan dengan Polis Di

Raja Malaysia. Pada suatu malam baru-baru ini saya sendiri bertolak dari Kuala Lumpur ke Taiping, sampai di sebatang jalanraya di hadapan sebuah Balai Polis, tidak silap saya Balai Polis Kuala Dipang. Di sana saya nyaris-nyaris terlanggar papan yang ditulis tidak silap saya 'BERHENTI' yakni road block dan seorang polis sedang berdiri di situ. Oleh sebab saya tidak dapat melihat dengan terang daripada jauh mengatakan di tempat itu telah ada road block sepertimana di Balai-balai Polis yang lain oleh sebab jalanraya di hadapan Balai Polis itu satu jalanraya yang besar, boleh selisih sehingga empat buah motokar pun boleh di jalanraya ini. Jadi kepada pengguna-pengguna jalanraya kita anggap jalan ini satu jalan yang boleh lalulalang dengan tidak ada halangan. Yang sebenarnya, selama ini tidak ada halangan seperti itu. Tetapi pada masa yang saya sebutkan barangkali hujan pada masa itu dan saya tidak dapat melihat dengan terang keadaan papan tanda mengatakan road block, begitu juga lampu, menyebabkan hampir-hampir saya terlanggar papan ini dan seorang polis sedang berdiri di situ. Nasib baik saya mempunyai kecekapan bawa motokar lebih 10 tahun Tuan Pengerusi, saya dapat mengelak dan lari ke tepi dan saya berhenti. Selepas itu saya nampak polis yang berkenaan oleh kerana dia terasa diapun nyaris-nyaris lagi dilanggar oleh saya, dia lari kepada motokar saya, dia angkat senapang hendak tembak motokar saya. Selepas daripada itu dia berjumpa dengan saya, dia tanya sebagai tugas seorang polis biasa dan saya sedar pada masa itu dia hilang fikiran sedikit oleh kerana dia nyaris-nyaris dilanggar oleh saya; kalau langgar entah apa akan jadi. Saya minta maaf di atas hal yang terjadi kepada polis yang berkenaan. Apabila sudah saya minta maaf polis yang berkenaan pun membenarkan saya meneruskan perjalanan saya semula dan pada masa senapang dia unjuk ke arah motokar saya tadi, saya nampak senapang yang dia gunakan ialah shotgun. Pada pandangan saya shotgun ini tidak begitu menggerunkan sangat oleh sebab itu pada malam itu apabila kejadian ini berlaku, saya tengok shotgun tidak

rasa apa sangatlah tetapi kalau dia unjuk rifle barangkali saya takut sungguh-sungguh. Ini kerana shotgun kita dapat lihat di mana-mana juga. Jadi maksud saya di sini bukanlah saya hendak merepotkan kejadian ini supaya kita ambil tindakan kepada polis yang berkenaan kerana mengacukan senapang kepada seorang rakyat di negara ini, tidak begitu maksud saya. Ini oleh kerana keadaan sudah jadi begitu. Maksud saya apabila sahaja hendak diadakan road block di mana-mana jalanraya hendaklah diingati, diawasi lebih awal adakah lampu yang digunakan itu sudah mencukupi ataupun papan-papan yang digunakan hendak memberhentikan kereta-kereta yang lalu-lalang di situ boleh dapat dilihat daripada jauh sepertimana yang saya sudah dimaklumkan oleh seorang Pegawai Polis kepada saya. Apabila kejadian ini berlaku saya berjumpa dengan seorang Pegawai Polis yang berkenaan, bukan di situ tetapi di tempat lain, saya minta penerangan bagaimana patut diadakan road block.

Pada pandangan saya road block ini mustahak kepada pihak yang menjaga keselamatan tetapi hendaklah disusun dengan sebaiknya supaya bukan sahaja dapat kita menjaga keselamatan pada sepanjang hari bahkan polis-polis yang berkenaan pun dapat juga mengawalkan diri mereka kalau-kalau dilanggar oleh mana-mana kenderaan yang derebarnya tidak ada kecekapan seperti saya tadi yang menyebabkan kemungkinan kemalangan berlaku.

Tuan Pengerusi, pernah terjadi di tempat saya sendiri, kalau tidak silap saya pada tahun 1966, seorang polis yang mengadakan road block di jalanraya yang begitu laju kenderaan lalu-lalang menyebabkan dia dilanggar dan kakinya sudah patah dan akhirnya polis berkenaan tidak dapat menjalankan tugasnya lagi. Ertinya kalaulah hendak mengadakan road block eloklah polis-polis ini duduk di tempat-tempat yang mana menasabah supaya dapat dilihat dengan terang dan dapat dia juga menyelamatkan dirinya sendiri. Seperti yang saya katakan tadi, polis yang terlibat

dengan kenderaan yang berlaku tadi, kalau tidak ada kecekapan juga kemungkinan dia akan menerima akibat yang tidak baik.

Selain daripada itu, saya suka menyebut berkenaan dengan Balai-balai Polis — perhubungan rakyat di antara Balai-balai Polis.

Tidak berapa lama dulu saya sudah menyebut di sini supaya Kementerian ini dapat mencari jalan kerana ada rakyat hendak ke Balai Polis yang berhampiran kerana sesuatu sebab dia dengan pihak polis tetapi Balai Polis yang berdekatan dengannya tidak terima pengaduan rakyat ini dia ditunjukkan satu Balai Polis yang lain, kadang-kadang jauh pula daripada tempatnya sendiri.

Misalnya, saya sebutkan sebuah kampung. Tuan Pengerusi, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ini selalu pergi ke Taiping barangkali dia sedar dengan kampung yang saya sebutkan ini iaitu Kampung Matang Gelugor. Ada sebuah Balai Polis yang berdekatan sebatu lebih kurang sahaja dengan Pondok Polis Matang. Tetapi orang Matang Gelugor ini apabila dia membuat aduan kepada Polis Matang tidak terima, dia terpaksa pula pergi ke Balai Polis Changkat Jering yang jauhnya enam batu daripada Matang Gelugor. Sepatutnya perkara-perkara yang seperti ini tidak patut mengelirukan rakyat. Eloklah Balai Polis yang berkenaan dipusatkan kepada rakyat di keliling Balai Polis yang berkenaan. Kalau pondok polis didirikan di satu tempat hendaklah menjadi pusat kepada keliling rakyat di kawasan pondok polis ini, tidaklah payah sepertimana yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu berkenaan dengan Balai-balai Polis baru. Di kawasan Matang ini boleh dikatakan semua Balai Polis baru telah dibuat oleh pihak Kementerian ini. Saya suka mengambil peluang bagi pihak Polis di kawasan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih. Dan apabila Balai Polis baru ini disiapkan oleh pihak Kerajaan diadakan

upacara perasmian dan biasanya ramailah dijemput untuk menghadiri majlis tersebut. Perasmian dibuat oleh pihak Ibupejabat Polis dari Kuala Lumpur ataupun pihak Ibupejabat daripada negeri. Di dalam perasmian ini biasanya yang saya hadiri hanya perasmi itu sahaja yang membuat ucapan. Kalau yang merasmikan itu Ketua Polis Negara, maka Ketua Polis Negara seorang sahajalah yang memberi ucapan. Kalau Ketua Polis Negeri, Ketua Polis Negeri itu seorang sahajalah yang membuat ucapan. Sepatutnya di peringkat biasa, bangunan-bangunan baik pejabat-pejabat yang lain yang ada seperti ini juga dibuat, biasanya ucapan-ucapan perasmian dibuat oleh pihak yang di kawasan yang berkenaan. Misalnya Pegawai Daerah membuat ucapan lebih dahulu sebelum perasmian itu dibuat ataupun bagi orang ramai membuat ucapan terlebih dahulu sebelum perasmian itu buat, sebab itulah masanya pihak orang ramai ataupun pihak daerah yang berkenaan memberi ucapan terima kasih kepada pihak Polis Di Raja yang telah berkhidmat dengan baik dan sebagainya. Kalau tidak diberi peluang seperti itu hanya satu ucapan perasmian sahaja dibuat, itu sahajalah didengari oleh rakyat yang menghadiri majlis itu pada hal majlis itu biasanya diadakan secara besar-besaran dan mengambil masa lama pula untuk upacara yang berkenaan.

Oleh itu, saya bercadang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya apabila perasmian seperti ini dibuat hendaklah ucapan-ucapan yang dibuat dahulu oleh orang-orang yang patut dan yang difikirkan menasabah. Sebab saya katakan Pegawai Daerah tadi — Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah iaitu Pegawai Daerah! Sudah sepatutnya Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Daerah membuat ucapan ataupun mereka yang lain lagi yang difikirkan menasabah oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, berkenaan dengan Pejabat Cawangan Polis Daerah. Dulu saya biasa sebutkan sepatutnya di kawasan yang

ramai lebih kurang 100,000 orang penduduk eloklah di kawasan tersebut diadakan sebuah cawangan ataupun Pejabat Cawangan Polis Daerah di kawasan itu. Yakni di situ ditempatkan seorang Inspektor ataupun beberapa orang yang berkenaan, yang mengetuai polis di kawasan tersebut supaya rakyat yang begitu ramai tidak tertumpu sangat kepada Pejabat Daerah di kawasan yang berkenaan.

Misalnya, di daerah Larut-Matang, selama penduduknya ada suku juta orang atau lebih kurang 30,000 daripada penduduknya duduk di kawasan Selama. Di kawasan Selama sudah diadakan sebuah Ibupejabat Polis Daerah diketuai oleh seorang A.S.P.

Saya dapati kawasan Selama telah berjalan dengan baik dan baki di daerah Larut dan Matang yang penduduknya 200,000 orang lebih, mereka ini terpaksa tertumpu ke Ibupejabat Polis di Taiping, yang sepatutnya di Daerah Larut dan Matang ini mengandungi kawasan Parlimen Taiping dan kawasan Parlimen Matang. Kawasan Parlimen Matang ada enam balai polis dengan lebih kurang 50 orang anggota polis. Sudah sepatutnya dia ada sebuah pejabat yang menjadi cawangan kepada Pejabat Daerah di tempatnya dan ditempatkan pegawai di situ supaya dapat menolong bagi peringkat daerah mengawasi pada keseluruhan Balai-balai Polis rakyat yang begitu ramai di kawasan itu. Dan di kawasan Matang ini ialah sebahagian daripada penduduk di tepi laut. Di sini ada Raja Laut yang masyur yang mana kawalannya biasa dibuat dengan begitu ketat dan mengambil masa kalau sekiranya Ibupejabat Polis Daerah hendak bertolak dari Taiping ke Laut yang jauh 12 batu apa salahnya dibuat berhampiran dengan laut ini Ibupejabat Polis Cawangan yang saya katakan tadi supaya dapat memberi bantuan kepada polis daerah bagi mentadbir di kawasan yang saya katakan tadi. Kalau apa yang saya katakan ini menasabah, saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan

jika dapat hendaklah dilaksanakan mulai tahun 1978.

4.50 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya ingin membuat satu dua cadangan dalam beberapa perkara terutama sekali muka surat 311 iaitu Alat-alat Perhubungan Radio bagi polis.

Dalam perkara alat-alat ini inginlah saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa didapati alat-alat untuk pihak polis kita tidaklah begitu cukup untuk sementara waktu ini, terutama sekali kita perhatikan pada hari ini pihak polis mengadakan road block, pusat pemeriksaan, tetapi pusat itu sebagai satu pusat yang dikatakan melepaskan batuk ditangga. Polis tercegat dua tiga orang dengan senapang, motokar lalulalang ditahan, berhenti — jalan. Jadi, tidak ada apa benda yang dibuat.

Saya mencadangkan kepada Timbalan Menteri yang berkenaan supaya pihak Kementerian membekalkan alat yang dikatakan metal detector kepada pihak polis. Saya telah difahamkan pihak polis terutamanya sekali di sebelah utara di Semenanjung Malaysia di bahagian sempadan telah dua tahun minta supaya bekalan metal detector ini dibekalkan kepada mereka, sekurang-kurangnya apabila mengadakan sekatan jalanraya dapat digunakan dan boleh mengesan alat-alat seperti senjatapi dan sebagainya di dalam kereta, tidak payah menyelongkar, disuruh orang ramai turun dan sebagainya. Itu permintaan saya supaya pihak Kementerian mengambil tindakan tegas kerana penyeludupan senjatapi dalam negara kita ini ada pernah berlaku.

Yang kedua, ingin saya menarik perhatian pihak Kementerian iaitu mengenai Maksud Bekalan 44 — Penjara muka surat 326. Di sini kita banyak mengadakan peruntukan iaitu kurangan banduan serta perbelanjaan yang

besar dan begitu juga ada bersangkut-paut dengan latihan untuk banduan-banduan. Saya perhatikan di dalam negara kita ini apabila banduan-banduan itu disumbatkan ke dalam penjara mereka cuma membuat kerja di dalam penjara itu sahaja serba sedikit dan dicampur-adukkan dengan semua jenis banduan. Pada hari ini, Tuan Pengerusi, inginlah saya mencadangkan untuk menyokong dan menguatkan apa yang telah disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Sepang.

Apa salahnya penjara-penjara ini diletakkan jauh daripada bandar-bandar yang besar dan di situ boleh kita mengadakan rancangan seperti dalam lawatan saya ke Tasmania dalam tahun ini, saya telah dibawa oleh Mayor Bandar Tasmania melawat beberapa buah kawasan. Salah satu daripada kawasannya ialah kawasan pusat bumi hijau pemulihan banduan yang mana banduan-banduan yang menerima hukuman ringan dikeluarkan daripada penjara dan digunakan tenaga mereka untuk menanam tanaman-tanaman dan hasilnya cukup untuk mengendalikan makanan-makanan untuk banduan-banduan yang lain dan banduan-banduan ini diberikan pengajaran cara-cara menanam, menternak dan sebagainya, jadi apabila mereka keluar, mereka terus boleh menjalankan ataupun memasuki rancangan-rancangan Kerajaan yang lain.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian dan pihak Kerajaan kita mengadakan pusat rancangan buku hijau untuk banduan ini. Tetapi dengan satu syarat iaitu banduan-banduan ini hendaklah dibahagi dua dan jangan diletakkan setempat, kerana didapati banduan-banduan ini kalau ditinggalkan barulah ada perubahan, kalau dicampur-adukkan mereka ini susah sedikit hendak berubah kerana mereka itu naik marah hati, kerana orang yang dihukum mati keadaan macam itu juga. Keadaan macam di Penjara Pudu semuanya dicampur-adukkan segala jenis banduan. Jadi saya mintalah pihak Kerajaan kita mengasingkan dan hendaklah pusat-pusat ini dan penjara-penjara ini jauh

daripada bandar-bandar yang besar, kerana daripada segi saikoloji kalau kita perhatikan pada hari ini apabila seseorang itu kena tangkap, mereka menjadi tidak takut masuk ke dalam penjara, sebab penjara itu hadapan mata mereka. Katanya tak usah gaduh, dekap sahaja, hari-hari kawan-kawan semua boleh tengok. Jadi yang selalu kita dapat tahu yang diseludupkan barang-barang misalnya dadah ke dalam penjara iaitu melalui kawan-kawan. Cara mereka masukkan dadah melalui tempat ubat gigi, ditutupnya seperti Colgate biasa. Jadi bagaimana pihak penjara hendak periksa semua ini, sebab penjara di tengah-tengah pekan, bermacam-macam trick boleh diusahakan kalau ada orang-orang yang menolong. Tetapi kalau sekiranya penjara ini berjauhan sampai beratus-ratus batu kalau orang hendak pergi melihat jadi tidak menggalakkan orang-orang memberi bantuan dan senang pula kita hendak menangkapnya, mengesan pelawatan-pelawatan atau untuk mencari sesiapa yang datang hendak menolong banduan-banduan itu. Saya rasa itulah sahaja dua tiga perkara yang saya cadangkan dan saya mintalah pihak Kementerian mengambil berat dalam perkara ini.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat masing-masing terhadap Kementerian ini dan ucapan-ucapan tahniah yang diberi oleh pihak Polis Di Raja Malaysia.

Untuk menjimatkan masa, Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat hendak menjawab satu persatu kerana masa kita kurang sangat tetapi saya akan menyentuh perkara-perkara yang agak besar yang banyak menyebutkan perkara ini.

Yang pertama, suka saya hendak menyentuh soal keselamatan negara yang ramai menyebut, antaranya, mengatakan kurangnya pihak polis di negara kita dan diminta banyak

lagi pasukan peninjau anjing, polis wanita, bangunan-bangunan dan sebagainya. Seperti yang saya katakan dalam ucapan saya dahulu memanglah kita pada hari ini sedang mengatur strategi-strategi bukan sahaja hendak membanyakkan ahli-ahli polis kita, yang kita harap seramai lebih 40,000 orang kita akan diambil dan pengambilan ini akan memakan masa lima tahun. Ini adalah disebabkan beberapa perkara terutama sekali dari segi latihan dan sebagainya dan saya harapkan pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dapatlah bersabar kerana sekim ini kita mula hanya dua tahun yang lalu dan bukan sahaja dari segi hendak meramaikan Pasukan Polis Di Raja Malaysia tetapi pihak Kementerian ini sedang mengatur strategi-strategi keselamatan supaya bukan sahaja kita dapat memberikan satu security coverage kepada rakyat negeri ini, tetapi yang lebih penting sekali kepada mereka berasa yang mereka itu selamat dan ada security confidence di kalangan mereka. Di samping kita hendak membesarkan Polis Di Raja Malaysia kita, kita juga perbesarkan misalnya Marine Department; Marine Department ini perlu juga untuk mengawal kawasan laut kita dan rancangan yang sedang dirangka hari ini dan sedang berjalan seperti di Langkawi, Kuala Kedah/Perlis, Lumut iaitu di kawasan Pantai Barat, Pulau Redang, Pengkalan Kubur di Pantai Timur untuk mengadakan security coverage pada rakyat dari segi tepi laut.

Begitu juga dengan Pasukan Polis Hutan kita mengadakan program-program seperti Bedong di Kedah, iaitu mengadakan Sekolah Latihan Polis Hutan untuk melatih Polis Hutan kita dan membesarkan Pasukan Polis Hutan Sungei Petani, mengadakan projek baru di Ayer Tawar di Perak, Bidor di Perak, Lasah dan begitu juga di Cheras untuk menempatkan Brigade Tengah di situ. Begitu juga di pengkalan-pengkalan hadapan seperti kita hendak adakan di Jerantut, Karak, Maran dan satu base juga di Bentong. Begitu lah gaya gambaran yang dapat saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan keadaan cara-cara kita hendak mem-

berikan security coverage kepada rakyat di negeri ini. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi capacity kita hendak mengejar membuat perkara ini tentulah mengambil masa sedikit kerana semua ini memerlukan, bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi dari segi fizikal, latihan-latihan kepada mereka ini seperti kita hendak mengambil Polis lebih daripada 40,000 ini bukan sahaja hendak melatih rekrut-rekrutnya tetapi juga pegawai-pegawainya yang perlu mendapat latihan-latihan yang tertentu untuk membimbing pegawai-pegawai di bawah mereka.

Satu perkara yang menarik perhatian ialah soal kelengkapan-kelengkapan Polis Di Raja Malaysia ini seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tengok di dalam Budget ini kita sedang menguruskan untuk membeli kapal-kapal atau lanci-lanci dan juga kenderaan-kenderaan bagi menggantikan dan juga menambah kenderaan-kenderaan yang pada hari ini bukan sahaja setengah-setengahnya rosak dan buruk tetapi juga meletakkan di tempat-tempat kawasan yang baru.

Begitulah juga dengan keadaan mendirikan rumah-rumah kepada mereka tetapi dalam soal perumahan ini oleh kerana pengambilan kita bertambah dalam masa setahun dua ini sudah tentulah soal pemberian rumah kepada Pegawai-pegawai Polis kita ini juga terbabit sama.

Dalam soal penjara, ini sangat menyentuh tugas Kementerian ini. Ahli Yang Berhormat dari Sepang minta penjara di Kajang ini diubah tempat. Saya bersimpati dengan perasaan Ahli Yang Berhormat itu tetapi malangnya projek penjara Kajang ini dirangka lebih awal daripada Universiti Kebangsaan di sana dan progress daripada hari ini lebih kurang 80% dan dijangka siap kalau tidak silap saya pada penghujung tahun hadapan. Jadi susahlah kita hendak dismantle projek ini. Almaklum, penjara pada hari ini sangat penting kerana boleh dikatakan seluruh penjara kita penuh sesak pada hari ini memandangkan dengan

aktiviti-aktiviti underground ini samada dadah, criminal, yang semuanya masuk dalam penjara kita.

Saya memang tertarik hati dengan Ahli Yang Berhormat dari Setapak mencadangkan supaya banduan-banduan ini diberi latihan dari segi pertanian. Ini juga ada dirancangan oleh Kementerian ini dan satu projek secara besar-besaran (rehabilitation centre) yang mementingkan soal pertanian ini sedang disiasat di Lipis. Kawasan ini cukup besar dan boleh dikatakan mencukupi, hanya yang kita masih belum dapat tahu lagi samada sesuai atau tidak tapak ini untuk digunakan bagi pertanian kepada banduan-banduan yang ada di dalam tahanan kita.

Begitu juga macam penjara kita di Sungai Rengam, yang ini juga dirangka jauh daripada bandar tetapi kalau jauh sangat pun susah juga oleh sebab penjara kita ini sungguhpun mereka ini orang tahanan ataupun orang salah kita kena beri mereka ini boleh dikatakan "cuisine treatment" juga, kalau tidak silap saya belanja kita bayar atau maintenance mereka ini tidak kurang daripada \$1.50 sehari. Jadi kalau ada peluang melawat penjara boleh bertanya kepada mereka di mana mereka telah merasa penjara di tempat lain seperti drug traffickers. Mereka sendiri beritahu saya penjara kita ini baik layannya dan kalau kita hantar jauh ke tempat-tempatnya boleh jadi susah kita hendak mengadakan bekalan air dan sebagainya. Sesebuah penjara dibina dengan harga yang mahal dan jika jauh daripada tempat yang ada bekalan air dan api maka akan bertambah lagi mahal belanja itu.

Soal penjara kanak-kanak ataupun rehabilitation centre di Melaka ada satu kawasan yang sudah dimulakan cara melatih budak-budak ini dari segi pertanian yang kita panggil Dusun Datuk Murad di Melaka, iaitu budak-budak daripada Telok Mas dilatih bukan sahaja dari segi trades ataupun vocational training, juga dibawa kepada pertanian ada diberi latihan tetapi dusun ini untuk budak-budak sahaja dan yang saya sebut di Lipis tadi dirangka untuk mereka yang dewasa.

Soal Pasukan Petugas di kawasan sempadan, soal Imigeresen, ada yang berasa bimbang pegawai-pegawai ini tidak diberi latihan ber-senjata. Suka saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Parit, mereka ditugaskan di kawasan sempadan ini bersama-sama dengan Pegawai LPN, Polis dan juga Kastam semuanya diberi latihan menggunakan senjata, tinggal lagi senjata-senjata ini kita dapati boleh mereka gunakan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang menyen-tuh soal penerbitan-penerbitan lucah. Saya sendiri telah menemui wartawan-wartawan dan juga penerbit-penerbit serta para iklan dalam perkara ini atas arahan Yang Berhormat Menteri dan akan dilaksanakan tahun depan ini, tidak semestinya kita menantikan pindaan Printing Ordinance itu kerana langka yang pertama kita menemui mereka ini yang bertanggungjawab samada daripada penulisan ataupun penerbitan dalam soal buku-buku ataupun majallah-majallah ini dan pihak mereka memberikan akuan kepada Kementerian ini akan bekerjasama untuk menyekat gambar-gambar, tulisan-tulisan ataupun iklan-iklan yang kita anggap sebagai lucah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, definasi lucah ini sangatlah sukar kita hendak menentukan, tinggal lagi untuk melaksanakan program ini Kementerian sendiri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Tetap untuk membolehkan pihak-pihak yang berkenaan mencari fatwa samada gambar-gambar ini boleh dikeluarkan ataupun tidak dan kita harap dapat dilaksanakan seberapa yang boleh dengan kerjasama pihak yang berkenaan dari satu-satu masa.

Ahli Yang Berhormat dari Matang tadi mengatakan road block ini tidak berapa terang, tidak tahu. Saya bimbang Ahli Yang Berhormat ini speeding sangat di kawasan itu. Saya minta maaf kerana perkara itu berlaku tetapi kadang-kadang kita terpaksa letak road block ini bukan di satu-satu kawasan yang orang tahu. Kalau kita pasang road block ini di kawasan-kawasan yang orang tahu, jadi orang-orang yang suka melanggar undang-undang ini tahulah dan mereka bersiap-sedia.

Tujuan kita memasang road block ini di samping hendak memberitahu orang ramai kita juga hendak menangkap mereka yang agak terlibat dalam perkara ini.

Dalam perkara lain barangkali saya hendak sebut sedikit soal kewarganegaraan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menyentuh soal sijil kerakyatan, kad pengenalan, sijil beranak yang mengikut beliau lambat dikeluarkan dan sebagainya. Ketiga-tiga ini ada kaitan antara satu dengan lain. Seperti yang selalu saya sebutkan di sini pengeluaran satu-satu sijil kerakyatan ini bukanlah dapat kita keluarkan begitu sahaja. Kenalah diteliti dengan halus dan penelitian ini dikuatkan di waktu akhir-akhir ini berikutan dengan terdapatnya usaha-usaha setengah-setengah pihak membuat sijil-sijil palsu ataupun paspot-pasport antara-bangsa palsu yang dianggap kepunyaan warganegara dan satu lagi perkara yang timbul dan didapati oleh kita ialah menggunakan IC Biru orang yang sudah mati. Dicari IC Biru itu ditaruhnya gambar orang yang bukan warganegara dan dengan perjumpaan ini ataupun discovering ini yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak maka lebih curiga Kementerian ini untuk mengeluarkan. Misalnya, kalau seorang itu ada Kad Pengenalan Biru sudah semestinya ini merupakan dia warganegara dan dengan keadaan yang demikian maka pihak Kementerian ini berfikir ada lebih baik kita berhati-hati dan biarlah lambat sedikit tetapi sampai enam tahun itu, ini barangkali keterlaluhan dan kita seberapa yang boleh kalau permintaan itu secara mengikut rightnya kita beri, tetapi kebanyakan ada antara permintaan ini atau kebanyakannya membuat permintaan ini secara berliku-liku dan ini perlu kita siasat secara mendalam supaya mereka yang tidak berhak itu tidak mendapat sijil kerakyatan ini.

Satu lagi perkara yang dikemukakan oleh beliau ialah soal kad cokelat. Kad cokelat ini ialah orang-orang salah ataupun orang-orang tahanan ataupun orang-orang yang kita kenakan buang daerah dan kita ambil Kad Penge-

naln Biru dia kita beri kad cokelat. Tetapi suka saya memberi akaun di sini, kad cokelat ini boleh ditukarkan semula dengan kad asalnya, asalkan sahaja pihak polis dan pihak Kementerian ini puas hati yang seseorang itu tidak lagi berbalik kepada penyakit jahatnya yang lama. Kalau ada kes-kes yang seperti itu bolehlah kita usahakan, tetapi mengikut apa yang diberitahu kes yang straightforward ini semuanya kita pulang balik kad-kad yang lama.

Tuan Pengerusi, untuk mengelakkan masa, saya tidak hendak bercakap, panjang hanya satu lagi daripada buku ini tadi, buku yang ditulis oleh bekas Menteri Pertanian, Encik Aziz Ishak. Saya akan siasat buku ini kerana sudah terlalu lama dan saya akan bawa buku ini untuk disiasat lebih awal dahulu. Saya tidaklah dapat hendak menjawab satu persatu bukanlah kerana saya tidak hendak jawab, tetapi memandangkan masa terlalu pendek dan kita memerlukan masa dan saya harap butir-butir yang lain yang mana yang tidak disebut oleh saya, saya akan teliti dan akan halusi mengikut ucapan-ucapan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dan tindakan-tindakan yang wajar akan diambil mengikut keadaannya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$35,750,000 untuk Kepala B. 39, \$519,307,000 untuk Kepala B. 40, \$17,172,200 untuk Kepala B. 41, \$781,600 untuk Kepala B. 42, \$11,694,700 untuk Kepala B. 43, \$33,567,900 untuk Kepala B. 44 dan \$13,006,600 untuk Kepala B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$181,240,105 untuk Kepala P. 40, \$1,886,000 untuk Kepala P. 41, \$10,546,540 untuk Kepala P. 44 dan \$5,200,000 untuk Kepala P. 45 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang Dewan beralih membincangkan Kementerian Penerangan

Kepala-kepala B. 46, B. 47, B. 48 serta Kepala-kepala P. 46, P. 47 dan P. 48.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

Kepala B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual) — Kepala P. 46, P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan, 1978) —

5.15 ptg.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya

- 1) Wang sebanyak \$20,221,000 di bawah Kepala B. 46 Kementerian Penerangan.
- 2) Wang sebanyak \$87,077,800 di bawah Kepala B. 47 Jabatan Penyiaran.
- 3) Wang sebanyak \$22,447,800 di bawah Kepala B. 48 Jabatan Penerangan.

dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-undang ini, dan saya juga memohon mencadangkan supaya

- 1) Wang sebanyak \$2,386,400 di bawah Kepala P. 46 Kementerian Penerangan.
- 2) Wang sebanyak \$32,285,180 di bawah Kepala P. 47 Jabatan Penyiaran.
- 3) Wang sebanyak \$1,444,700 di bawah Kepala P. 48 Jabatan Penerangan.

diluluskan sebagai perbelanjaan di bawah Anggaran Pembangunan 1978.

Seperti yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya ketika membentangkan perbelanjaan Kementerian Penerangan pada peringkat Jawatankuasa di Dewan ini setahun lalu, Kementerian Penerangan telahpun mulai meluaskan dimension penyertaannya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan menyusun satu dasar 'Development Communication' di bawah konsep Dasar Communication barunya.

Asas Dasar Komunikasi Baru ini ialah penggunaan semua saluran komunikasi yang dibiayai oleh Kerajaan untuk meluaskan pengertian konsep mengenai perkara pembangunan, untuk menjelaskan masaalah-masaalah yang penting yang ditempuh dalam pembangunan, dan untuk menimbulkan sikap yang perlu dididik di kalangan rakyat bagi khasnya melengkapkan mereka menyertai dalam proses pembangunan, dan amnya untuk mendorong rakyat supaya dapat menyesuaikan diri dalam perubahan masyarakat kita yang sedang membangun. Dengan kata lain sikap yang Dasar Komunikasi Baru ingin menggalakkan bukanlah semata-mata keseronokan yang mungkin mendorong kepada sikap (escapism) yang mencari perlindungan dalam suasana hiburan, tetapi sikap realistik yang boleh meninggikan semangat dan keteguhan rakyat dalam perjuangan hidup kita yang berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pembangunan itu bererti perubahan; perubahan pula berkehendakkan penyesuaian. Untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ini, seseorang itu pula mestilah mempunyai sikap yang realistik dan kenal akan cabaran-cabaran yang mesti ditempuhnya dalam aliran hidup masyarakat yang mendokong harapan melambung (fast rising expectation). Seperti yang telah ternyata dalam Dasar Ekonomi Baru amnya dan Rancangan Malaysia Ketiga khasnya, usaha Kerajaan kita bukanlah sekarang ini terhad kepada tugas-tugas menyediakan infrastruktur seperti jalan-jalan, parit-parit taliair-taliair, talipontalipon dan kemudahan-kemudahan physical sahaja. Ini sudah pun dilaksanakan dengan cukup jayanya pada peringkat awal pembangunan kita sebelum Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan. Di peringkat pembangunan yang bercorak sosio-ekonomi seperti sekarang ini, Kerajaan kita mempunyai tugas yang lebih berat yang membabitkan usahausaha menjalankan transformasi bentuk hidup rakyat kita, supaya mereka dapat melengkapkan diri dan merebut peluang-peluang hasil daripada kemakmuran negara yang kian bertambah daripada satu masa ke satu masa.

Misalnya apakala Rancangan Malaysia Kedua menegaskan tentang usaha memperhebatkan penyertaan bumiputra dalam sektor perdagangan dan perusahaan, ini tidaklah berarti bahawa Kerajaan hanya akan berusaha mengadakan pinjaman untuk bumiputra berniaga, kerana soal modal hanyalah salah satu sahaja daripada unsur-unsur yang dapat menjaya penyertaan itu. Perkara yang sama penting ialah soal mendidik dan menanam semangat ingin maju, tatatertib dan sikap baru yang sesuai untuk menolong perjuangan seseorang yang ingin mencebur dirinya di dalam dunia perniagaan. Sungguhpun Kerajaan boleh memudahkan usaha-usaha ini dengan mengadakan khidmat penasihat (advisory services) yang dapat menunjukkan penilaian sesuatu projek perniagaan itu dan juga mengadakan latihan, kejayaan yang sebenarnya bagi bumiputra menyertai sektor perdagangan dan perusahaan hanya dapat dijamin dengan adanya sikap-sikap baru yang muncul di kalangan peniaga-peniaga bumiputra sendiri. Demikianlah juga dalam bidang lain, seperti bidang memodenkan pertanian, dan dalam usaha-usaha kita membasmikan kemiskinan di kalangan golongan-golongan yang miskin atau yang menjadi sasaran "target poverty groups".

Oleh sebab itulah strategi Dasar Komunikasi Baru sepertimana yang saya sebutkan setahun dahulu, mestilah dibentuk dengan cara keseluruhan dengan kerjasama agensi-agensi pelaksanaan dibawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam melaksanakan Dasar Komunikasi Baru ini, Kementerian Penerangan sudah pun mengadakan rundingan yang mendalam dan sama-sama tersusun dengan langkah-langkah yang akan dijalankan dengan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Rundingan-rundingan yang sama mendalam dan sama sistemnya juga akan diadakan dengan Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Badan-badan seperti RISDA. Asas pembentukan strategi ini adalah pengertian mengenai 'profile' sosio-ekonomi golongan-golongan miskin yang menjadi sasaran atau "the socio-

economic profile of the target poverty groups" di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pengertian itu mestilah disesuaikan dengan corak hidup golongan-golongan tersebut, bentuk pimpinan dalam masyarakat tersebut dan daya penarik yang boleh menimbulkan sambutan yang mudah menyerap ke dalam fahaman mereka.

Dari pengertian profile itulah telah dapat kita cipta pendekatan yang berasingan terhadap sesuatu 'target poverty group' dan yang boleh membawa kerjasama dan peranan penyertaan lebih positive dari sesuatu golongan untuk melaksanakan sepenuh-penuhnya konsep pembangunan yang telah dibuat khas untuk mereka. Untuk menghalusi dan menyempurnakan kesan strategi komunikasi itu, ianya perlu diuji di gelanggang pembangunan, dan maklumat kesan balas perlu juga diteliti setiap masa. Untuk menjalankan tugas-tugas ini, maka Bahagian Penyelidik dan Perancangan yang baru kita tubuhkan dalam tahun ini telah pun diperkuatkan dan diberi peruntukan tambahan pada tahun 1978, dari setengah juta ringgit kepada lebih dari satu juta ringgit.

Pendekatan atau approach ini telahpun kita perkenalkan sekarang dalam program-program pembangunan di Radio termasuk perkhidmatan Radio di Sabah baru-baru ini. Pendekatan yang sama menerusi TV memanglah memerlukan masa yang lebih panjang sedikit untuk dilaksanakan dengan cukup lengkap dan penuhnya dan berkehendakkan perubahan cara-cara bekerja di semua peringkat. Dalam hal ini Radio Talivisyen Malaysia (RTM) sedang menyusun semula cara-cara bekerja dan bentuk pentadbirannya mungkin diubahsuaikan sedikit untuk mencapai objektif Dasar Komunikasi Baru. Walau bagaimanapun, sementara itu kita terpaksa mendedahkan penonton-penonton TV kita kepada cara-cara pembangunan yang digunakan di negara-negara lain menerusi filem-filem dokumentari yang menunjukkan pembangunan teknologi dan sains.

Di samping itu Jabatan Penerbangan dalam usaha melaksanakan Dasar Komunikasi Baru telah mengadakan satu approach yang baru dalam mengumpul dan menyusun maklumat-maklumat mengenai sesuatu kawasan di bawah jagaannya. Jabatan Penerangan sekarang ini, di antara lain, mendapatkan butir-butir mengenai 'target poverty groups', rancangan-rancangan yang diberi kepada mereka, kemajuan rancangan-rancangan tersebut dan masalah-masalah pembangunan yang muncul dalam masa pelaksanaannya. Saya sangat gembira memberitahu bahawa Jabatan Penerangan di Pulau Pinang telahpun dapat menjalankan tugas ini dalam masa sembilan bulan yang lepas dan telah dapat bekerja dengan lebih rapat dan dengan lebih bererti lagi dengan Kerajaan Negeri dalam bidang pembangunan. Jabatan-jabatan Penerangan di negeri-negeri yang lain akan dapat menyelesaikan tugas yang sama dalam tahun 1978.

Dengan adanya perubahan cara bekerja ini, maka Jabatan Penerangan tentulah akan dapat menggunakan peranan 'inter-personal communicationnya', sebagai satu rangkaian hubungan rapat di antara Kerajaan dan rakyat, bukan sahaja dari segi penyampaian dasar Kerajaan dan tujuan pembangunan tetapi juga dari segi mendapatkan kesan balas dari golongan-golongan yang menjadi sasaran dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Seperti pada masa-masa yang sudah, masalah yang akan dihadapi oleh Kementerian Penerangan pada beberapa tahun yang akan datang ialah masalah mendapatkan filem-filem yang sesuai untuk TV dan yunit-unit bergerak Jabatan Penerangan. Sehingga reorganisasi mengenai tugas-tugas Filem Negara dapat dicapai dan ia pula diberi kuasa membantu pengusaha-pengusaha filem tempatan memperbanyak dan mempertingkatkan mutu filem-filem Malaysia, kita akan mengalami kekurangan filem-filem feature tempatan bagi program-program TV kita. Dalam hal ini RTM terpaksa bergantung kepada pengeluaran-pengeluaran Video-

tape yang dibuatnya sendiri. Memandangkan bahawa RTM begitu banyak sekali memerlukan derama-derama dan program-program tempatan untuk memenuhi targetnya (iaitu 60% daripada jumlah rancangan-rancangan TV hendaklah daripada produksi tempatan), memandangkan kepada mutu yang tidak berapa tinggi dari skrip-skrip yang diperolehi dan memandang juga kepada masalah kekurangan kemudahan teknikal, RTM akan menghadapi soal produksi dalam beberapa tahun yang akan datang. Tambahan RTM juga akan menghadapi dalam masa tiga tahun yang akan datang satu tugas besar iaitu melaksanakan peralihan kepada TV berwarna.

Alat-alat kelengkapan untuk memulakan peralihan kepada TV berwarna ini telahpun mula dibeli dalam tahun 1977 ini. Pegawai-pegawai Kanan RTM telahpun dihantar ke seberang laut untuk mempelajari cara-cara melaksanakan peralihan kepada TV berwarna. Kakitangan-kakitangan teknikal juga sedang dilatih. Pada tahun 1978 latihan untuk TV berwarna akan terus kita perhebatkan terutama sekali di Instituti Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR). Oleh sebab itu kita yakin peralihan kepada TV berwarna dapat dimulakan pada 1hb Muharram 1399 iaitu dalam bulan Disember 1978. Walaupun ada bagi soal-soal teknikal yang sedang dihadapi oleh pihak Jabatan Talikom yang menyelenggara dan membina alat-alat pemancar saya rasa ini tidak akan mengendalakan jadual yang telah kita tetapkan.

Memandangkan kepada keadaan keseluruhannya, Kementerian saya mempunyai keyakinan bahawa ianya akan maju setapak lagi dalam tahun 1978. Dari survey yang telah dibuat di Semenanjung Malaysia oleh satu firma yang berpengalaman dalam hal 'audience research', Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Penerangan telah dapat tahu bahawa penonton-penonton TV semakin bertambah dari 4,675,000 dalam tahun 1976 kepada 5,235,000 dalam tahun 1977. Survey ini menunjukkan bahawa lebih kurang 80% daripada penduduk-penduduk

yang berumur 15 tahun keatas menuntun TV. Dalam jangka masa yang sama juga pendengar-pendengar radio telah bertambah dari 5,010,000 kepada 5,088,000. Ini menunjukkan tambahan yang memuaskan dan mengikut taksiran sihat yang kita beri. Sekarang ini sudah muncul tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ada progem keluaran tempatan sudah mula menghampiri popularity progem-progem yang paling baik dari luar negeri.

Dengan adanya penambahan kadar bayaran untuk menyewa filem-filem TV dan Videotape dari luar, kita sekarang ini dapatlah bertanding dengan stesyen-stesyen TV dirantau ini untuk mendapatkan filem-filem yang ditawarkan oleh pihak pengedar kepada rantau ini dalam sistem yang dinamakan 'bicycle chain'. Ini bererti kita mempunyai peluang untuk mendapat filem-filem yang lebih baik lagi daripada yang telah kita perolehi pada masa lepas dan kita boleh memperolehinya dengan lebih awal daripada stesyen-stesyen jiran. Mengenai filem-filem asing ini, bagi diri saya sendiri, saya masih lagi merasa runsing melihat gejala-gejala di pasaran TV di Barat yang menggunakan sex dan keganasan dalam filem-filem mereka. Oleh sebab itu Kementerian Penerangan sekarang ini sedang menimbang cara-cara untuk mengelakan filem-filem bercorak demikian dengan cara memperluaskan lagi pasaran dari mana kita boleh menyewa filem.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat daripada wang yang diperuntukkan kepada Kementerian saya dalam tahun 1978, Kementerian saya akan dapat mengganti banyak lagi alat-alat kelengkapan yang sudah obsolete di dalam masa setahun yang akan datang ini. Dengan ini kita berharap gangguan dan 'breakdown' akan berkurangan. Kita juga berharap bahawa serentak dengan peralihan kepada TV berwarna, cara penyampaian berita kita juga akan dapat diperbaiki lagi dengan menggunakan alat-alat seperti 'Electronic News Gathering System' iaitu satu alat kamera elektronik yang boleh dibawa dengan mudah dari satu tempat ke satu tempat untuk

mengumpul bahan-bahan berita dan rakaman yang dibuat dengan Videotape itu kelak dapat digunakan dengan lebih segera.

Pengalaman yang telah diperolehi oleh kakitangan RTM dalam meliputi Sukan Asia Tenggara baru-baru ini sudah tentu akan memberi kepercayaan yang lebih kepada mereka semasa membuat liputan peristiwa-peristiwa yang diluar studio. Saya percaya kita juga akan dapat mempercepatkan penyiaran berita-berita yang lengkap dengan gambar latarbelakang dari beberapa tempat dari luar negeri, hasil daripada rundingan dan kerjasama kita dengan negara-negara yang telah menandatangani Perjanjian Kebudayaan dengan Malaysia, terutama sekali negara-negara di Asia Barat.

Hasil daripada sokongan rakan-rakan kita dalam Asian Broadcasting Union (ABU), mungkin juga kita akan memperolehi lebih banyak bahan-bahan yang bercorak pembangunan dari negara-negara lain yang sedang membangun. Mungkin juga Malaysia akan diberi peranan utama dalam satu Persidangan UNESCO mengenai Dasar-dasar Komunikasi yang dijangka akan berlangsung di Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 1978, disanalah nanti Menteri-menteri dari Negara-negara Asia akan bersidang bersama-sama. Persidangan yang dicadangkan itu, akan memberi peluang kepada negara-negara yang sedang membangun membincang dan bekerjasama dalam usaha mencipta dasar komunikasi meliputi bidang pertanian, penggunaan teknologi dan cara-cara mengatasi masaalah-masaalah pembangunan dari segi peranan komunikasi dalam pembangunan. Kerjasama dalam pengeluaran filem-filem TV yang boleh digunakan bersama untuk meluaskan pengalaman kita dalam melaksanakan rancangan pembangunan, dalam kontek seluruh Asia, adalah satu langkah yang boleh menjimatkan tenaga dan juga perbelanjaan bagi negara-negara yang sedang membangun dalam tugas mereka memberi sokongan komunikasi (communication support) kepada usaha-usaha pembangunan. Saya mempunyai penuh kepercayaan bahawa Dasar Komunikasi Baru kita

akan mendapat ujian dan penilaian yang lebih luas lagi dalam forum antarabangsa ini. Sungguhpun 'development communication' adalah bidang ilmiah yang lagi baharu, perhubungan kita dengan dunia luar tentu sekali akan menolong kita mempelupuri dasar, yang sangat berguna untuk melengkapkan sistem pelaksanaan pembangunan, dan yang boleh diresapkan sebagai 'communication component to our own development plan' pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, demikianlah penjelasan ringkas yang saya ingin laporkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan Kementerian saya bagi tahun 1978. Penjelasan yang lebih teliti telahpun diberikan di muka 597 hingga 619 dalam Buku Anggaran Belanjaan 1978, yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

5.36 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya tertarik hati dengan penerangan-penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan terutama berkenaan dengan Dasar Komunikasi Baharu yang akan diikuti oleh Radio dan Talivisyen Malaysia dan juga sikap realistik untuk menerima dan menyampaikan penerangan. Saya suka, apabila mendengar hujjah-hujjah itu, membawa kepada Kepala B. 47, Butiran 1100, Aktiviti 2 iaitu di muka 345 di bawah tajuk 'Rancangan'.

Tuan Pengerusi, kerana adanya janji daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengikuti Dasar Komunikasi Baharu dan juga untuk mempunyai sikap realistik menerima dan menyampaikan penerangan, izinkan saya untuk membawa perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa cara-cara penyampaian, baikpun berita ataupun di dalam talivisyen, bentuk alirannya adalah daripada atas ke bawah. Kalaulah kita menyaksikan tali-

visyen, apa yang kita boleh lihat hanya berita-berita Menteri-menteri membuka pusat-pusat bidan, membuka balairaya, membuka masjid, membuka jalan, membuka hospital, itu dan ini. Pendekata, berita-berita yang disampaikan adalah aktiviti para-para Menteri sahaja. Berita daripada bawah ke atas jarang sangat diadakan di dalam talivisyen. Saya berharap perkara ini dipandang berat oleh Kementerian yang berkenaan supaya di masa-masa yang akan datang bolehlah diadakan bentuk aliran berita yang boleh, bukan sahaja daripada atas ke bawah, tetapi juga daripada bawah ke atas dan berjumpa dipertengahan. Dengan ini maka berita yang disampaikan itu akan memberi bentuk 'well balanced'.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai di dalam rancangan talivisyen beberapa rancangan seumpamanya Panorama, Ganda Wang Anda, begitu juga Rancangan Wanita, rancangan berkenaan kesenian dan kebudayaan, rancangan pertanian dan berbagai-bagai rancangan. Di negara-negara yang lain ada dikhaskan satu rancangan, iaitu rancangan untuk para politicians mengadakan dialog, bukan sahaja di antara dia sesama dia, tetapi juga dialog dengan para-para Menteri jika ada satu-satu issue untuk disampaikan kepada rakyat di mana penyampaian di dalam mass media yang lain gagal atau tidak dapat kita sampaikan. Untuk memperkuat hujjah saya supaya diadakan satu rancangan katalah rancangan yang dinamakan "Apa Kata Wakil Rakyat" ataupun "Komen Wakil Rakyat". Saya bawa satu contoh. Baharu-baharu ini kerana ada satu perkara yang ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini maka satu Yang Berhormat Menteri telah mencabar saya untuk membuat tuduhan itu di luar Dewan.

Saya telah membuat cabaran itu serta-merta di luar Dewan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Berita Harian yang dapat mengeluarkan, tetapi Bernama.

Tuan Pengerusi: Itu perkara lain. Ini tajuk lain.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, sungguhpun perkara itu lain tetapi ada hubungannya dengan rancangan Talivisyen.

Tuan Pengerusi: Ini Talivisyen dan itu suratkhbar, ada perbezaannya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya minta maaf. Tuan Pengerusi, macam mana saya katakan tadi, kami Wakil-wakil Rakyat memang tidak dapat menyuarakan penerangan daripada kami, selain daripada dalam Dewan ini, tetapi dengan adanya Jabatan Penerangan, dengan adanya Radio dan Talivisyen Malaysia dan jika kami diberi peluang di dalam rancangan yang saya katakan tadi, maka dapat kami mengadakan dialog dengan Menteri-menteri, dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat rakyat jelata menghakimkan apakah sebenarnya wakil-wakil mereka duduk di sini hanya menjadi pak turut ataupun menjadi burung terkukur ataupun hanya kami hendak membuat publicity sahaja, sebagaimana pernah ditomahkan terhadap kami yang duduk di sini sebagai Wakil Rakyat. Saya mengatakan di sini supaya peluang ini juga diberi kepada Wakil-wakil Rakyat, iaitu peluang untuk dapat mencampuri secara aktif di dalam siaran-siaran yang diadakan oleh Radio dan Talivisyen Malaysia.

Saya juga meminta izin untuk menyentuh Kepala B. 47, Butiran 1200 — Elaun dan Lain-lain Habuan Wang, Aktiviti (2) — Rancangan. Saya tertarik hati berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu pada bulan Disember, 1978, insya Allah, kita akan dapat melihat Talivisyen berwarna (colour television). Tuan Pengerusi, tidak boleh dinafikan iaitu di dalam Talivisyen apa yang menarik perhatian peminat-peminat talivisyen adalah mereka yang menyampaikan berita itu, iaitu announcernya, lebih-lebih lagi jika kita mempunyai Talivisyen berwarna. Pada masa ini saya lihat penyiar-penyiar berita kita di dalam Talivi-

syen tidak begitu dress conscious, bukanlah saya maknakan mereka ini hendaklah memakai pakaian fashion model, tidak. Tetapi eloklah diberi mereka ini dress allowance supaya siapa juga yang menjadi Pemberita Talivisyen dapat dia benar-benar menempah pakaian yang up-to-date (the latest fashion) supaya apabila dia menghadapi penuntutnya, dapatlah dia, boleh dikatakan, more presentable. Sekarang ini saya lihat mereka memakai kot model tahun empat puluhan, tidak daripada the latest fashion.

Tuan Pengerusi: Itulah fashion yang lama itu telah berbalik semula sekarang menjadi model baru.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya pun tidak tahulah, kalau itu saya sudah terkebelakang model. Walau bagaimanapun hendaklah kita sedar bahawa menerusi talivisyen, bukan sahaja dilihat oleh orang-orang tempatan, tetapi dilihat oleh orang yang datang ke negara kita. Kalau dilihatnya Pemberita-pemberita kita dengan kotnya crumble dengan tidak tentu arah, collarnya keluar dan necktie yang tidak tentu arah, lebih-lebih lagi dengan adanya nanti colour television, ini menurunkan imej negara kita. Dengan sebab itu, saya minta di bawah elaun ini dapat diberi elaun khas untuk Pemberita-pemberita kita menyesuaikan dirinya menempah kot yang of the latest fashion supaya dapat dia lebih menarik peminat-peminat.

5.45 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Kementerian yang berkenaan dan saya bercadang untuk berucap dengan secara pendek.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Kepala B. 46, muka surat 339, Aktiviti (4) Penyelidikan dan Perancang. Saya anggap bahawa bahagian Penyelidikan dan Perancang adalah satu bahagian yang amat mustahak di

dalam Kementerian ini dan saya ingin mencadangkan bahawa selain daripada menjalankan tugas-tugas yang biasa bahagian ini hendaklah mencari jalan-jalan dan juga melaksanakan langkah-langkah yang dapat membolehkan Sibaran Am kita digunakan sebagai satu alat yang lebih berkesan dalam menegakkan demokrasi di negara kita. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh tentang peranan penting yang boleh dimainkan untuk Sebaran Am seperti akhbar, radio dan talivisyen sebagaimana saya kata tadi, dalam menegakkan dan juga menjayakan konsep demokrasi di negara ini.

Tuan Pengerusi, demokrasi hanya boleh berjaya jika rakyat dapat membuat keputusan-keputusan yang bijaksana dan mereka hanya boleh membuat keputusan-keputusan yang bijaksana ini jika terdapat penerangan-penerangan yang cukup, benar dan betul. Jika penerangan dikongkong oleh sebuah parti politik sahaja dan kongkongan diadakan ke atas akhbar-akhbar, radio dan talivisyen dan jika sekiranya rakyat dinafikan penerangan yang perlu maka saya anggaplah rakyat tidak boleh membuat keputusan yang baik, berguna, membina dan bijaksana.

Tuan Pengerusi, di Malaysia sebaran am atau mass-media menyebabkan penerangan dan berita-berita yang berat sebelah. Dari akibat ini orang ramai tidak dapat memperoleh maklumat-maklumat dan pandangan-pandangan yang lebih balance dari semua pihak dan apa lebih penting lagi mereka dinafikan hak untuk mengetahui kebenaran khasnya berita-berita penting yang dikutip oleh sebaran am kita. Ini adalah menyedihkan kerana ia tidak menyumbang ke arah sebuah masyarakat yang terbuka di mana masaalamasaalam negara kita boleh dibincangkan dengan bebas dan penukaran pandangan-pandangan dan idea-idea boleh diadakan dalam semangat demokrasi yang tulen.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada hal ini saya berpendapat kita hendaklah men-

demokrasikan penuh sebaran am kita sebagai satu langkah yang positif, satu langkah yang berjangka panjang ke arah menegakkan demokrasi di Malaysia hari ini. Sebagaimana saya katakan tadi sebaran am tidak sepatutnya dikongkong dan dimonopoli oleh parti pemerintah sahaja tetapi hendaklah terbuka bukan sahaja kepada pihak pembangkang tetapi juga dibuka kepada kalangan-kalangan lain yang terlibat dalam perumusan pendapat orang ramai (public opinion) yang bolehlah mereka berpeluang mengemukakan pandangan-pandangan mereka secara bebas dan jujur tentang masaalamasaalam yang dihadapi oleh negara kita dalam lingkungan, batasan-batasan yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan negara kita. Dengan cara ini, saya yakin kita akan dapat pendapat-pendapat awam yang lebih enlightened dan juga saya akan menduga keputusan-keputusan yang baik, public opinion yang lebih bijaksana, yang amat perlu dalam menguatkan lagi pengertian demokrasi kepada rakyat jelata.

Satu perkara lain yang akhir saya ingin menyentuh iaitu tentang Kepala B. 48 Aktiviti berkaitan dengan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat di bawah Jabatan Penerangan. Tuan Pengerusi, merujuk kepada Jabatan Penerangan, ingin saya merujuk sedikit kepada perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan yang berkenaan dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil. Pada pandangan saya dan juga rakan-rakan saya adalah menjadi satu amalan yang biasa bagi Jabatan Penerangan untuk menghantarkan van-van ke kawasan-kawasan di mana pilihanraya umum atau pilihanraya kecil diadakan dengan tujuan untuk menyebarkan penerangan kepada para pengundi. Selalunya van-van Jabatan yang berkenaan ini ada terlibat di dalam politik partisan, seumpamanya mereka ada menyeru pengundi-pengundi menyokong parti pemerintah. Dengan berbuat demikian pengecualian Jabatan Penerangan bolehlah dipersoalkan bukan sahaja oleh parti Pembangkang tetapi juga dapat dipersoalkan oleh orang ramai. Saya boleh beri satu contoh di

sini, Tuan Pengerusi, misalnya pada baru-baru ini ada satu pilihanraya kecil di Ulu Kenering di Negeri Perak yang kami dapat tahun hampir 40 buah kereta dari Jabatan Penerangan Negeri Perak telah dihantar ke kawasan itu di mana mereka ada meminta pengundi-pengundi menyokong parti Barisan Nasional. Dan juga dari satu siasatan kami pun dapat tahu mereka ada mengugut pengundi-pengundi di sana bahawa sekiranya DAP menang, maka perintah berkurang (curfew) akan dikenakan di seluruh kawasan itu. Tuan Pengerusi, saya tidak ingin membuat kenyataan yang tidak berasas di sini. Perkaranya ini telah berlaku di Kenering dan juga telah berlaku di pilihanraya kecil yang lain pada masa yang lalu. Oleh hal yang demikian, orang ramai rakyat jelata ada bertanya adakah Jabatan Penerangan ini telah menjadi satu sayap kepada parti pemerintah?

Tuan Pengerusi, jika Yang Berhormat Menteri bersedia mengadakan satu siasatan rasmi di dalam hal ini saya sedia dan kami sedia membawa saksi-saksi untuk membuktikan apa yang saya telah katakan. Oleh hal demikian, dan memandangkan kepada sebab-sebab yang telah saya katakan, saya bercadang bahawa untuk mengelakkan kesemuanya ini, saya ingin mengesyorkan supaya Jabatan Penerangan tidak patut melibatkan diri dalam apa-apa kerja tentang pilihanraya kerana tugas mengendalikan kerja pilihanraya itu hendaklah dan patutlah terletak di dalam Suruhanjaya Pilihanraya. Ini ialah satu cadangan yang saya ingin menyampaikan di sini oleh sebab saya berasa yakin sekiranya tugas untuk menyebarkan information kepada para pengundi ditarik balik dari Jabatan yang berkenaan dan diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, saya yakin bahawa semua tuduhan-tuduhan yang saya ada sebutkan tadi tidak akan timbul.

5.58 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Ber-

hormat Menteri Penerangan di dalam Dewan ini dan di samping itu saya ingin menyebut berkenaan dengan Jabatan Penerangan Kepala B. 48, Butiran 1100 dan Kepala P. 48, Butiran 1.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan apa yang diucapkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang ada kaitan dengan Yunit Penerangan khususnya di dalam pilihanraya Kenering baru-baru ini. Sebenarnya, saya pun ada di kawasan ini pada masa pilihanraya ini dijalankan sepertimana juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pun ada di dalam kawasan ini, bagi kami sama-sama bagi pihak parti masing-masing untuk mengadakan kempen di dalam kawasan tersebut. Apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang ada kaitan dengan pegawai-pegawai penerangan yang menyebut beberapa perkara ancaman di kawasan ini pada saya, saya berada di kawasan itu lama, saya tidak dapat ataupun tidak dengan masalah-masalah ini timbul di kawasan tersebut. Bahkan saya dengar apa penerangan-penerangan yang dikelolakan oleh pegawai-pegawai penerangan di kawasan tersebut berkewajipan mereka memberi penerangan kepada pengundi-pengundi supaya keluar mengundi dan menerangkan calunnya, berapa ramai pengundi, tarikh mengundi dan di mana tempat mengundi. Oleh kerana, Kenering ini sebuah kawasan Dewan Negeri di dalam Negeri Perak yang berada di Hulu Perak, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sedia maklum kawasan Dewan Negeri ini luaskan jauh di hulu, kalau tidak silap saya mengambil hampir separuh daripada kawasan daerah Hulu Perak dan penduduknya ada berselerak di kawasan pedalaman yang luas dengan hutan-hutan dan kebun-kebun dan dihalang pula oleh Sungai Perak yang menyebabkan kawasan kampung-kampung berada di kawasan seberang dan kawasan sebelah sini. Selain daripada itu Kenering di Hulu Perak ini termasuk juga di dalam kawasan keselamatan.

Di dalam pilihanraya baru-baru ini terpaksa juga selain daripada parti-parti yang memihak parti-parti masing-masing saya suka mengambil kesempatan mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih kepada Yunit Penerangan yang dihantar di kawasan itu menyebabkan tidak ada pergaduhan ataupun perbalahan sedikit pun di kawasan tersebut sepanjang-panjang kempen-kempen dijalankan sehingga hari mengundi diumumkan keputusannya Barisan Nasional menang tetapi sahabat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mendapat hampir 2,000 undian di kawasan tersebut yakni lebih daripada yang sudah. Ini kalau Pejabat Penerangan mengambil daya-usaha yang penting yang memihak, khasnya kepada Barisan Nasional, saya percaya kemungkinan calon daripada lain daripada Barisan Nasional tidak akan mendapat sebegitu banyak bahkan kemungkinan akan mendapat sedikit.

Pada saya tidak ada masalah kalau sekiranya tugas-tugas Pejabat Penerangan mengelola dan mengawal kawasan-kawasan pada masa pilihanraya bahkan diharapkan pada masa yang ke hadapan di kawasan pilihanraya baik pilihanraya kecil ataupun pilihanraya kebangsaan sebaik-baiknya bukan sahaja pihak polis atau pegawai-pegawai lain, Jabatan Penerangan hendaklah bersama-sama dengan rakyat untuk menerangkan apa yang sebenarnya supaya rakyat khasnya pengundi-pengundi dapat keluar mengundi. Sungguhpun tugas-tugas ini sudah dijalankan oleh pihak parti-parti dan dibantu oleh pihak Jabatan Penerangan tetapi sehingga ini tidak ada 100% pengundi keluar mengundi. Ini menunjukkan Jabatan Penerangan adil dari menjalankan usahanya bagi menjayakan satu-satu pilihanraya. Jika Jabatan Penerangan membuat usaha-usahanya yang lebih dan memaksa pula menyebabkan saya percaya kemungkinan 100% pengundi boleh diarah oleh Jabatan Penerangan keluar mengundi pada hari tersebut. Bukan itu tugas-tugas mereka bahkan mereka bersama-sama dengan parti-parti yang saya sebutkan tadi dan saya juga berada di

dalam kawasan ini bagi pihak Barisan Nasional; Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yakni sahabat saya yang berada di tepi saya ini pun bagi pihak DAP berada di dalam kawasan tersebut bagi menyokong parti masing-masing. Akhirnya Barisan Nasional menang dan kita mendapat ucapan tahniah daripada DAP di atas kemenangan tersebut.

Saya berharap pada masa hadapan cara-cara yang dijalankan seperti ini dijalankan terus bahkan diharap supaya ikhtiar memberi bantuan kepada rakyat yang menjadi pengundi di mana-mana juga supaya mereka dapat keluar mengundi lebih ramai lagi dan berilah peluang kebebasan kepada mereka untuk mengundi mana-mana parti yang mereka pilih.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya suka mengambil peluang, saya telah diberitahu di bawah Jabatan Penerangan ini, ada pegawai-pegawai penerangan khas yang membantu Jabatan Penerangan memberi penerangan yang ada berkaitan dengan kegiatan-kegiatan Kerajaan dan apa juga untuk membantu Kementerian ini ataupun Jabatan ini supaya rakyat di kawasan tersebut ataupun di kawasan-kawasan di dalam negara ini dapat mendengar, melihat dan dapat penerangan yang jelas yang ada kaitan sepertimana yang saya katakan tadi dan daripada kegiatan yang mereka ini jalankan saya dapat pegawai-pegawai yang ada ini tidak lagi mencukupi kerana rakyat yang ada di kawasan-kawasan bagi seseorang pegawai itu terlalu ramai dan kawasannya pula terlalu luas. Oleh sebab itu, saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengkaji kawasan-kawasan yang luas, kawasan-kawasan yang ramai seperti ini di kawasan Kenering yang saya katakan tadi, kawasan Ulu Perak, Kawasan Matang dan lain-lain lagi yang mana penduduknya dapat ditambah lagi Pegawai Penerangan Khas bagi memberi penerangan sepertimana yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya dapati ada pegawai-pegawai penerangan khas ini sehingga ini pada masa pegawai-pegawai Kerajaan telah dinaikkan gaji, tetapi ada sebahagian daripada mereka ini belum lagi menerima kenaikan gaji sepertimana pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Oleh sebab itu, hal seperti ini tidaklah sepatutnya dilengah-lengahkan oleh Kementerian ini bagi membayar gaji di atas dasar kenaikan pegawai-pegawai yang lain khususnya di Kementerian itu sendiri. Saya berharap kenaikan gaji ini dapat dilaksanakan kepada pegawai penerangan khas yang saya katakan tadi.

Di dalam P. 48 Butiran (1) Yunit Berkereta. Saya telah diberitahu ada sebanyak, tidak silap saya, 217 Yunit Berkereta yang ada di seluruh negara. Sebanyak 217 Yunit Berkereta yang ada di seluruh negeri ini saya masih dengar rungutan-rungutan daripada rakyat-rakyat di mana-mana juga khususnya di kawasan saya sendiri mereka tidak dapat melihat ataupun mendengar daripada syarahan-syarahan, pertunjukan wayang gambar, yunit berkereta datang ke kawasannya mengikut yang telah diberitahu sebaik-baiknya sebulan sekali sepertimana yang telah dijadualkan, bahkan kadang-kadang sampai tiga empat bulan sekali barulah dapat yunit berkereta ini masuk ke sesebuah kampung-kampung khususnya kampung-kampung pedalaman. Oleh sebab itu, saya percaya oleh kerana masuk terlalu lama sekali ataupun setahun hanya dua tiga kali sahaja, ertinya Yunit Berkereta yang ada pada masa ini tidak cukup. Oleh sebab itu, sesuaiilah di atas apa yang telah disusun dan ramai rakyat di dalam negara ini makin bertambah, yunit berkereta hendaklah ditambah lagi dan pegawai-pegawai hendaklah ditambah juga bagi menyelaraskan penerangan dan pertunjukan wayang-wayang gambar.

Tuan Pengerusi, di dalam daerah Larut-Matang, Selama ini ada sebuah pejabat penerangan dan pejabat penerangan ini jika dilihat di Taiping yang paling kecil sekali di antara jabatan-jabatan yang lain. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Men-

teri dapat membuat lawatan ke pejabat ini dan melihat sendiri bagaimana keadaannya dan eloklah diikhtiarkan supaya pejabat ini ditempatkan di tempat yang lebih elok sepertimana pejabat-pejabat yang lain juga dan dapat dipandang dan dilihat oleh rakyat pejabat ini ialah bersama-sama memainkan peranan penting bagi penerangan-penerangan kepada rakyat di dalam negara kita ini.

Di dalam Jabatan Penyiaran B. 47, Butiran 2500. Di dalam hal ini, Talivisyen berwarna telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tidak lama lagi akan dijalankan dan pada masa ini Talivisyen telah begitu banyak terdapat di seluruh negara dan selain daripada Talivisyen di seluruh negara, Radio dan boleh dikatakan pasaran yang paling baik pada masa ini ialah Talivisyen dan Radio kerana cara pembeliannya cukup mudah.

Pada masa ini di samping rakyat mempunyai radio dan talivisyen ada pula rakyat yang memiliki radio dan talivisyen ini ditangkap oleh Jabatan ini kerana kesalahan tidak bayar lesen tahunannya sepertimana yang dikehendaki. Hal ini sudah menjadi satu kegelisahan kepada rakyat apabila sahaja pegawai lesen masuk ke kampung-kampung mereka ketakutan, dan ada yang menyebabkan mereka rasa takut, ada yang setengahnya terpaksa membuat helah berbagai-bagai rupa dan kadang-kadang telah diambil tindakan dibawa ke mahkamah dan dihukum mereka ini, padahal rakyat ini tidak pernah masuk ke dalam mahkamah di atas kesalahan-kesalahan yang lain. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya pegawai-pegawai ini bukan bertugas untuk menangkap mereka ini, bahkan ditugaskan kepada mereka untuk memungut wang lesen radio masuk ke kampung-kampung yang berkenaan. Dengan cara-cara inilah saya percaya tidaklah menyebabkan kegelisahan-kegelisahan yang berlaku kepada mereka dan jika mereka tidak bayar pada masa kali yang pertama barangkali bolehlah pihak pegawai ini memberi amaran dan sebagainya dan bolehlah memberi hukuman kepada mereka apabila sesudah diberi amaran. Tetapi kalau membeli

talivisyen atau radio baru sebulan atau dua bulan terpaksa ditangkap, ansuran bulanan tidak dapat dibayar menyebabkan penerangan-penerangan yang telah dibuat oleh Kementerian bersusah-payah tidak dapat sampai sebaik-baiknya kepada rakyat. Selain daripada itu oleh kerana terlalu banyak radio dan talivisyen, lesen talivisyen telah dikenakan sebanyak \$24 setahun. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Itu termasuk radio.

Tuan Hashim bin Ghazali: Termasuk radio, dan radio sahaja kalau ada \$12 setahun. Oleh kerana banyak saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri minta dikurangkan bayaran lesen tahunan radio dan talivisyen ini daripada \$24 ke \$20 dan radio daripada \$12 turun ke \$10.

Selain daripada ini berkenaan dengan Jabatan Penyiaran ini juga pada masa ini pihak Kementerian ini tidak lagi mengeluarkan akhbar-akhbar sepertimana satu masa dahulu bagi penerangan-penerangan kepada rakyat. Sungguhpun di satu masa dahulu telah disebut akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh pihak Kementerian ini tidak dapat dibaca, tidak disukai oleh pihak lain, tetapi saya lihat akhbar bulanan daripada Kerajaan Negeri Kedah yang telahpun membuat akhbarnya sendiri dalam tulisan jawi dan rumi diberi percuma kepada pembaca-pembaca Bintang Timur dan pada tiap-tiap bulan dimasukkan ke dalam Akhbar Bintang Timur. Sesiapa yang membeli Bintang Timur dapatlah membaca apa yang ditulis oleh pihak Kerajaan ini. Saya rasa sudah sampai masanya di samping radio, talivisyen dan penerangan-penerangan lain yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan sepatutnya akhbar-akhbar bulanan seperti ini dimasukkan ke dalam akhbar-akhbar lain yang dijual dalam negara ini dan sesiapa yang membeli akhbar-akhbar tersebut mereka dapat membaca akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh pihak Kerajaan dan dapat pula membaca penerangan-penerangan yang ditulis oleh pihak Kerajaan sendiri di samping akhbar-akhbar yang terbit pada hari ini.

Saya percaya dengan cara ini kejayaan Kementerian Penerangan ini dari semasa ke semasa bukan sahaja pada masa hadapan talivisyen berwarna wujud di negara kita, bahkan penerangan talivisyen berwarna ini wujud di kawasan-kawasan yang ada letrik sahaja. Tetapi di kawasan-kawasan tidak ada letrik, tidak dapat lagi talivisyen bahkan mereka ini yang senang mendapat radio tetapi mereka yang tidak mampu tentulah masih tidak dapat. Oleh sebab itu, sesuailah akhbar-akhbar ini diterbitkan semula dimasukkan ke dalam akhbar-akhbar yang dijual dalam negara kita dan mereka yang dapat membeli akhbar-akhbar ini dapat pula membeli akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh Kementerian ini. Saya percaya dengan cara ini rakyat yang begitu ramai dari semasa ke semasa mendapat penerangan yang baik dan tentu ada kemudahan.

Sebagai contoh pada masa pilihanraya tidak begitu susah-payah pegawai-pegawai daripada mana-mana pihak pun memberi penerangan dan sebagainya. Jadi dengan cara-cara yang saya katakan tadi saya percaya Kementerian Penerangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini akan mendapat kejayaan dan kemudahan penerangan-penerangan lebih banyak lagi dapat dikeluarkan oleh pihak Kementerian ini kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.17 ptg.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan cadangan-cadangan yang membina kepada Kementerian Penerangan supaya menjadikan panduan bagi menjalankan kerja pada tahun yang akan datang ataupun seterusnya pada masa yang lebih jauh di hadapan.

Saya tidaklah dapat menjawab satu-persatu daripada cadangan-cadangan mereka kerana ada cadangan yang perlu dipertimbangkan lebih dalam lagi, kerana ada juga cadangan yang sungguhpun nampaknya senang, barangkali ada kaitan dengan Kementerian lain, berkaitan dengan kewangan, service principle dan lain-lainnya. Maka tidak eloklah bagi saya memberi jawapan yang tidak ditimbang dengan cukup mendalam. Walau bagaimanapun, saya ingin hendak menjawabkan perkara-perkara yang telahpun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh dijawab serta-merta sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telahpun memberi dua cadangan yang saya fikir sangat berguna, iaitu untuk memperhebatkan lagi pendekatan ataupun approach kita kepada penyertaan daripada rakyat, supaya penyampaian di TV, dan mass media lain akan menggambarkan lebih banyak lagi aliran berita dan peristiwa daripada bawah. Sebenarnya approach ini telahpun kita pelupuri dalam program seperti "Panorama" dan program di radio yang meliputi soal pembangunan. Interview-interview kita dengan orang-orang di luar bandar memanglah berupa pelaksanaan pendekatan ini. Cara-cara kita melaporkan Laporan Parlimen pun akan memberi satu ruangan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melafazkan fikiran masing-masing untuk pengetahuan Kerajaan amnya dan Kementerian masing-masing. Dalam dasar komunikasi baru, saya mestilah menegaskan di sini bahawa peranan Ahli-ahli Yang Berhormat akan bertambah penting, kerana dasar komunikasi baru ialah satu konsep yang ingin hendak menjalankan pertukaran fikiran di antara rakyat dengan Kerajaan. Siapakah yang lebih dekat dengan rakyat sebagai wakil Kerajaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian? Tetapi soal pelaksanaan dasar ini terpaksa dijalankan sedikit demi sedikit, kerana soal penggunaan mass media ini adalah soal yang berkehendak kepada latihan, kepada ethicsnya sendiri, supaya tidak ada salah gunanya akan timbul dalam negara kita ini.

Kita dapat melihat di beberapa negara yang sedang membangun di mana atas nama kebebasan, keburukan telah timbul kerana banyak kenyataan telah ditimbulkan di dalam ruangan akhbar, talivisyen dan radio yang barangkali tidak berasas sepenuhnya atas kebenaran ataupun tidak ada mempunyai sekatan decency sama sekali. Kita dalam Malaysia ini mempunyai satu keadaan yang unique, iaitu mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan ada sensitivitinya yang kita mesti jaga. Oleh sebab itu, maka kebebasan ini hendaklah dipelupuri dan hendaklah dibina dengan cukup cermat sekali. Walau bagaimanapun, kejayaan yang kita telah capai, dalam liputan kita di luar bandar dalam liputan akhbar, radio dan TV mengenai fahaman-fahaman yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pemimpin di beberapa peringkat, telah menunjukkan rakyat kita sudah pandai membawa peranan kebebasan mereka dalam menyertai proses bertukar-tukar fikiran di dalam negara ini. Oleh sebab itu, saya rasa cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor memanglah sejajar sangat dengan falsafah Kerajaan, khasnya dalam Kementerian Penerangan sekarang ini dan akan kita perhebatkan dari semasa ke semasa.

Demikian juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Atas falsafahnya kita tidak ada perbezaan. Falsafah saya sendiri memanglah mengakui bahawa tugas penting bagi Kementerian Penerangan ialah untuk mendidik rakyat supaya mereka dapat mengambil keputusan yang bermakna, mengambil peranan yang lebih berkesan di dalam proses demokrasi kita. Untuk mencapai matlamat itu, maka penerangan mesti disebarikan sepenuhnya. Saya fikir, Ahli Yang Berhormat barangkali tidak memberi tuduhan bahawa penerangan di dalam negara ini tidak cukup. Yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat ialah mungkin juga dalam liputan akhbar-akhbar, TV dan radio liputannya berat sebelah sedikit. Ini adalah soal saya kata subjective judgement. Bagi saya, susahlah hendak memberi

jawapan yang tepat mengenainya. Fikiran Ahli Yang Berhormat dengan fikiran saya atas soal judgement ini mungkin berlainan. Tetapi Ahli Yang Berhormat barangkali tidak dapat menafikan bahawa liputan mengenai Ahli Yang Berhormat sendiri itu dalam akhbar kita dan dalam talivisyen menerusi Laporan Parlimen dan laporan lain yang ada mempunyai news value mungkin juga cukup. Dalam liputan ini, soal memanglah kita tahu tidak semua orang yang bercakap akan diberi liputan sama kerana journalism pun ada juga criterianya untuk meliputi sesuatu news. Biarlah saya tinggalkan hal ini di sini sahaja.

Saya fikir Ahli Yang Berhormat barangkali tidak mempunyai cukup bukti yang membolehnya memberi statement yang sangat general, mengatakan dalam negara ini liputan akhbar, TV dan radio kita dikongkong. Saya rasa kita ada restriction dalam negara ini, dan restrictionnya tidak banyak. Restrictionnya ialah yang pertama mengenai soal sensitif yang kedua di bawah Perlembagaan kita mengenai perkara yang ada kaitan dengan security and public moral. Ini sahajalah restriction yang ada di dalam soal komunikasi kita dalam negara ini. Yang lain itu terserahlah kepada good sense of the editors and good sense of the speakers. Dalam soal ini, kita Orang Asli ini mempunyai satu sense of decency yang lebih baik daripada banyak negara-negara lain. Apakala saya berjumpa dengan seorang wartawan yang terkemuka di London, beliau telah memberi saya satu test.

Dalam soal mengkritik perkara-perkara dalam masyarakat, beliau berkata kebebasan memang ada tetapi kita mesti bertanya diri kita: "Boleh jadi sesuatu perkara itu penting sekali dan kita boleh shock the community?" Tetapi dia kata: "tidak boleh kita mengeluarkan satu fahaman yang akan menyebabkan a sense of outrage in our community. Sungguhpun di Britain soal sekatan akhbar tidak ada sama sekali, akhbar sendiri telah memberi satu disiplin atas mereka sendiri. Saya percaya akhbar-akhbar dalam negeri ini patut juga memikirkan soal ethics mereka sendiri dan

disiplin mereka sendiri, kerana Kerajaan kita ingin sekali untuk mempertahankan kebebasan mereka. Syaratnya ialah mereka sendiri mesti menjaminkan bahawa akhbar di negara-negara ini ada mempunyai satu perasaan responsibility dan self-discipline. Setakat ini saya tidak ada mempunyai komplek yang besar terhadap akhbar-akhbar kita. Saya rasa kita patut bersyukur atas the good sense orang-orang yang telah bekerja di belakang usaha-usaha akhbar, radio dan TV kita. Tuduhan samada negara ini dikongkong dalam soal penyebaran akhbar atau penerangan, saya tidak dapat menerima sekali. Standard kebebasan manakah yang diambil? Adakah American standard? Old Filipino standard? Present Filipino standardkah? Saya tidak tahu jawapan yang benar tepat. Tetapi bagi negara ini saya berani mengatakan soal kongkongan suara rakyat tidak berlaku.

Soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor mengenai elau untuk membeli the latest fashion bagi announcer-announcer kita semasa mereka memberi berita adalah soal yang tidak berat bagi Kementerian saya. Tetapi yang berat ialah daripada segi seseorang announcer itu sendiri. Bagi kita, kita bersedia untuk meminjamkan pakaian kepada mereka yang membaca berita di hadapan kamera kita, tetapi malangnya kita tidak ada kuasa untuk memaksa mereka memilih mana-mana pakaian, hanya kita dapat memberi satu peraturan yang mereka mestilah berpakaian secara decent sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telahpun bercakap atas soal peranan yang telah dijalankan oleh pegawai luar kita di dalam Pilihanraya Kecil di Kenering baru-baru ini. Beliau adalah seorang daripada mereka yang betul-betul hadir di tempat itu dan boleh menceritakan apa sebenarnya berlaku. Saya berhutang budi kepada beliau kerana telah memberi penerangan mengikut apa yang telah disaksikan oleh beliau sendiri. Oleh sebab itu saya tidak payahlah menjawab tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur

Bandar. Memadailah bagi saya merujukkan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kepada penerangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telahpun mencadangkan supaya penukaran gaji pegawai-pegawai khas kita di bawah Sekim Kabinet hendaklah dilaksanakan dengan cepat. Soal ini sedang dalam usaha kita di Kementerian Penerangan. Sebenarnya, perkara ini telah dirujuk kepada pihak yang berkuasa dan sedang mendapat perhatian sekarang ini. Bilakah perkara ini akan mendapat keputusan belum saya dapat khabarkan di sini. Tetapi saya percaya soal ini mendapat perhatian yang cukup daripada pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada satu minit untuk meluluskan anggaran Kementerian ini.

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Saya dapat habiskan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya kita tambahkan kereta mobile unit kita kepada kawasan-kawasan di luar bandar, terutama sekali kampung-kampung pendalaman. Sebenarnya, soalnya bukanlah kekurangan kereta, tetapi ke-

kurangan filem seperti telah saya sebutkan di dalam ucapan permulaan saya tadi.

Tuan Pengerusi, saya fikir saya patut berhenti di sini. Cadangan-cadangan lain barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat semua sekalian bersetuju tidak payah dijawabkan di sini. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,221,000 untuk Kepala B. 46, \$87,077,800 untuk Kepala B. 47 dan \$22,447,800 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$2,386,400 untuk Kepala P. 46, \$32,285,180 untuk Kepala P. 47 dan \$1,444,700 untuk Kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 14hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.